Pelita Brunei — Hujung Minggu — ڤليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat


ڤتيقن تيته

**PETIKAN TITAH**

"BRUNEI sudah benar-benar matang dalam kehidupan beragama. Rakyatnya juga tidak perlu lagi diajar bagaimana memilih yang terbaik untuk dirinya. Semuanya itu sudah sempurna dilalui dan malah telah menjadi pegangan yang mantap."
- Titah Sempena Majlis Menyambut Awal Tahun Baharu Hijrah 1438.

مانيسڽ ايمان

**MANISNYA IMAN**

"DAN Tuhan kamu berfirman : Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Mu'Min, ayat 60).

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.52 | 5.02 | 6.19 | 6.42 | 12.25 | 3.26 | 6.29 | 7.38 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit


TAHUN 62 / BILANGAN 39 | 1 APRIL 2017 / 1438 رجب 4 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA


# Cari kaedah tangani dan perbaiki keluarga bermasalah



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Seminar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah anjuran KUPU SB.


**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**


**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 29 Mac. - Agensi-agensi kerajaan dan badan-badan sosial berperanan dalam memberikan khidmat dan menangani isu-isu keluarga menurut kemampuan sesuai dengan objektif yang ditentukan.

Selain pihak mahkamah dan kalangan keluarga, agensi dan badan sosial khidmat keluarga itulah yang sangat hampir dan akrab dengan keluarga-keluarga yang bermasalah.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyatakan perkara tersebut semasa berucap merasmikan Seminar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2017 di Dewan Tarbiyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), di sini.

"Dalam kes-kes tertentu mereka didatangi tidak sahaja untuk diminta memberi nasihat bahkan diminta memberikan perlindungan. Hal sedemikian memerlukan kepada lebih ramai tenaga. Pada hemat saya, bagi kerajaan, ini tidak selamanya bermakna menambah bilangan penjawat-penjawat awam dalam senarai perjawatan.

Sebaliknya, kita berikanlah perhatian yang berat kepada aspek yang lebih praktikal di mana khidmat nasihat keluarga boleh diberikan oleh sukarelawan pekerja-pekerja sosial. Kita sudah mendapati ada di antara badan-badan sosial yang aktif dengan program khidmat bantu dan nasihat. Dalam kes-kes tertentu mereka kelihatan lebih menyerlah dan tekun berkhidmat dengan semangat sukarelawan yang ditanamkan dalam jiwa mereka," ujar Yang Berhormat.

Badan-badan sosial berkenaan, jelas Yang Berhormat, adalah kalangan yang sangat memedulikan ehwal segelintir anggota masyarakatnya yang sedang bermasalah keluarga kerana mereka menunjukkan cara yang baik dan bekerjasama menyelaras dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan atau dalam keadaan di mana penyelarasan itu juga bermasalah birokrasi, maka mereka bergerak setakat daya usaha mereka sendiri dengan bantuan dan kerjasama orang-orang perseorangan.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan, sudah sampai waktunya kita beri perhatian berat kepada aspek yang lebih praktikal seperti ini dan tidak semata-mata melihat khidmat bantu dan nasihat keluarga itu seolah-olah monopoli agensi- agensinya yang tertentu.

Menurut Yang Berhormat, kita mestilah memperbaiki sesetengah prosedur khidmat dan bantuan sambil meningkatkan kesedaran akan kepentingan perkhidmatan yang diamanahkan.

Memberi perhatian berat kepada aspek tersebut, jelas Yang Berhormat ialah dengan membanyakkan bilangan sukarelawan-sukarelawan pekerja sosial dan mereka hendaklah dilengkapkan dengan ilmu dan kemahiran yang dipelajari secara teori dan amali.


**Ke muka 4**


# Negara perlu terus memacu agenda reformasi


**Siaran Akhbar :**
**Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri**


**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 31 Mac.- Brunei Darussalam merupakan negara ekonomi yang berkembang dalam dua tahun berturut-turut dan berada di kedudukan ke-72 dari 190 negara berdasarkan daripada Laporan World Bank Doing Business 2017.

Walaupun dengan kemajuan yang menggalakkan dan prestasi positif, namun negara masih jauh ketinggalan di belakang dalam banyak amalan terbaik antarabangsa dan perlu terus memacu agenda reformasi untuk mencapai 20 sasaran utamanya dalam persekitaran daya saing yang semakin meningkat di rantau ini.

Menyedari jurang tersebut, Jawatankuasa Pandu Sekretariat Kemudahan Menjalankan Perniagaan (Ease of Doing Business - EODB) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) menyatakan, komuniti perniagaan boleh mengharapkan lebih banyak pembaharuan dan penambahbaikan dalam menjalankan perniagaan di Brunei dalam jangka masa pendek, sederhana dan berpanjangan.

Jawatankuasa Pandu EODB yang terdiri daripada 13 kumpulan juara dari pelbagai jabatan dan agensi-agensi kerajaan di bawah JPM, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perhubungan telah memastikan bahawa penambahbaikan dalam proses dan pembaharuan kerajaan tidak hanya dijalankan dalam keseluruhan pendekatan negara, ia juga menyediakan pandangan secara holistik daripada keseluruhan nilai rantaian dan akan terus membawa negara ini lebih dekat kepada sasaran 20 teratas.


**Ke muka 8**



IKUTI KAMI DI

infodept.bn | @Infodept_bn | Jabatan Penerangan — Jabatan Perdana Menteri





**Muka 6**


P.K.L diberikan atas perkhidmatan cemerlang




**Muka 7**


UNISSA sertu bangunan surau tambahan

# Manfaatkan sumbangan bagi mencapai kecemerlangan pelajaran

**Bismillahir Rahmannir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**ALHAMDULILLAH,** bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, kita sama-sama dapat hadir dalam Majlis Penganugerahan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) ALAF Ke-4 pada pagi ini.

Terlebih dahulu, saya sukacita mengucapkan tahniah dan setinggi penghargaan kepada BIBD atas inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) pihak bank dalam melaksanakan program yang menyokong pendidikan negara. Bantuan-bantuan yang disalurkan menerusi program seperti ini (Program BIBD ALAF) adalah sangat dialu-alukan dan diharapkan memberikan impak positif kepada semua pelajar di dalam program ini.

Ucapan terima kasih juga kepada Pejabat Ketua Pengarah Pendidikan dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan serta tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) atas peranan dan kerjasama mereka dalam Jawatankuasa Taskforce menyelaras bagi pihak Kementerian Pendidikan dan KHEU sehingga inisiatif-inisiatif pihak BIBD meyalurkan bantuan kepada pihak yang memerlukan terutama keperluan pendidikan adalah kesampaian.

Saya difahamkan bahawa pada tahun ini seramai empat puluh dua (42) orang lagi pelajar dari Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan dan JPI, KHEU akan memasuki Program BIBD ALAF serta seramai enam (6) orang pelajar dari Unit Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan pula akan menerima BIBD ALAF Bursari Pendidikan Khas 2017. Pengambilan pelajar pada setiap tahun jelas membuktikan kerjasama yang erat di antara BIBD ALAF dan Kementerian Pendidikan dalam sama-sama memangkin dan memperkasakan pembangunan modal insan selaras dengan falsafah negara kita, Melayu Islam Beraja (MIB).

Usaha-usaha pihak BIBD dalam memastikan dana bantuan yang disalurkan mencukupi, kesampaian dan menepati keperluan setentunya dapat meringankan bebanan ibu bapa dan keluarga para pelajar terutama dalam perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka.

Kementerian Pendidikan khususnya sentiasa berusaha dalam meningkatkan tahap kualiti pendidikan generasi muda negara ini agar mereka dapat menjadi individu dan pemimpin yang memiliki ilmu pengetahuan serta mempunyai kehidupan yang baik lagi berkualiti selaras dengan Wawasan Negara 2035. Kementerian Pendidikan sedar bahawa kemahiran akademik sering dikaitkan dengan kebolehan mewujudkan peluang ekonomi dan masyarakat yang berdaya saing. Sememangnya, program-program bantuan pendidikan seperti ini dihasratkan bagi mengelakkan para pelajar dari keciciran dalam memperolehi pengetahuan dan kemahiran akademik.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa berucap pada Majlis Penganugerahan Program BIBD ALAF Ke-4 Tahun 2017 pada hari Sabtu, 28 Jamadilawal 1438 Hijrah bersamaan 25 Februari 2017 Masihi, bertempat di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pelajar-pelajar yang berjaya diterima masuk ke dalam Program BIBD ALAF Ke-4 Tahun 2017 dan juga kepada pelajar ALAF yang masih kekal di dalam program ini. Apa yang lebih penting, objektif sumbangan akan dapat diterjemahkan oleh penerima sebagai suatu peluang yang dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Sehubungan ini, segala keperluan pembaikan perlu dilaksanakan agar program ini akan lebih berhasil, terutama sekali dengan adanya kerjasama pihak sekolah dan maktab yang terlibat di dalam memberikan maklumat pencapaian akademik pelajar kepada pihak BIBD ALAF bagi tujuan pemantauan, di samping mengesan pelajar-pelajar yang memerlukan bantuan penambahbaikan dan intervensi akademik seperti kelas-kelas tuisyen dan kem belajar bahasa atau seumpamanya. Keprihatinan dan pemedulian semua pihak akan dapat mengurangkan kemerosotan dan keciciran pelajaran yang mungkin dihadapi oleh pelajar-pelajar. Selain ia berguna bagi pemantauan pelajar-pelajar yang mencapai kecemerlangan pelajaran untuk penilaian dan perancangan pelajar berkenaan ke institusi pengajian berprestij atau yang lebih tinggi. Sehubungan itu, kerjasama padu dan komitmen pihak sekolah adalah sangat-sangat diperlukan bagi memastikan kejayaan program ini.

Para pelajar yang diterima masuk seharusnya merebut peluang ini dengan berusaha sebaik mungkin kerana bantuan yang diberikan adalah mencukupi untuk bantuan pembelajaran mereka sepanjang hayat selagimana pelajar berkeinginan untuk melanjutkan dan meninggikan tahap pendidikan. Usaha pihak BIBD melaksanakan program ini secara serius bagi masa depan pelajar dapat dilihat dengan adanya pemberian biasiswa kepada seorang (1) pelajar cemerlang PSR 2015 dan tiga (3) orang pelajar cemerlang PSR 2016 untuk melanjutkan persekolahan menengah di salah sebuah sekolah antarabangsa di dalam negeri. Langkah ini diharap akan dapat membantu pelajar terpilih mendapat pengalaman berharga di sekolah berkenaan yang mana latar belakang para pelajarnya adalah dari rumpun yang berbeza, pendedahan seperti ini bertujuan bagi melengkapkan pelajar dengan situasi pembelajaran yang lebih berdaya saing serta meningkatkan kemahiran berkomunikasi.

BIBD ALAF diharap akan terus mengelolakan kegiatan-kegiatan luar sekolah yang bermanfaat bagi kesemua pelajar-pelajarnya seperti lawatan sambil belajar ke tempat-tempat bersejarah atau berteknologi sama ada di dalam atau di luar negara, seminar pembelajaran bahasa dan juga pertandingan-pertandingan yang akan meningkatkan komunikasi, di samping mengeratkan persahabatan pelajar.

Saya penuh berharap generasi pelajar ALAF akan mampu berfikir secara kritis dan berinovasi kerana dua kemahiran ini sangat penting dalam mengharungi alam pekerjaan dan kepesatan pembangunan dunia yang sangat mencabar. Pelajar juga perlu memperolehi kemahiran-kemahiran hidup yang berunsurkan teknologi dan ekonomi selain berpengetahuan serta berakhlak mulia demi memenuhi aspirasi dan keperluan negara.

Saya berseru kepada ibu bapa dan penjaga untuk terus memberi sokongan padu kepada anak-anak abiskita. Apa yang lebih penting ialah peranan membudayakan amalan-amalan positif bersama anak-anak dalam kehidupan seharian seperti mengulang kaji pelajaran, kata-kata nasihat dan motivasi serta menerapkan disiplin diri sebagai pelajar bagi mencapai kejayaan.

Akhirnya, saya dengan tulus ikhlas sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak BIBD atas penganugerahan ini dan penuh berharap perkongsian pintar pihak bank bersama Kementerian Pendidikan dan KHEU yang berkebajikan ini akan berterusan dan membuahkan hasil seperti yang diharapkan.

Sekian.

## Dari Sidang Pengarang.

1 APRIL 2017 BERSAMAAN 1438 رجب 4

### BERSANGKA BAIK SELALU

**SEBAGAI** umat Islam kita dituntut untuk sentiasa berfikir positif. Selain itu, kita juga dituntut untuk tidak mudah berputus asa dan menjauhkan diri dari bersangka buruk. Segala dugaan atau cubaan yang kita hadapi adalah ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Allah tidak akan menguji hamba-hamba-Nya di luar kemampuan mereka sendiri. Ini kerana Allah mengetahui apa yang terbaik untuk kita. Walaupun perkara itu sesuatu yang kita benci, maka janganlah kita cepat bersangka buruk seperti mengeluh, merintih, marah terhadap Allah, jika doa dan hajat kita lambat atau belum dimakbulkan dan sebagainya.

Sesungguhnya Islam menuntut kita bersangka baik kerana bersangka baik dapat mendekatkan diri kepada Allah. Ia juga dapat mengelak dari permusuhan sesama manusia. Oleh itu, kita sebagai umat Islam dianjurkan untuk sentiasa bersangka baik kepada Allah dan sesama manusia.

Bersangka baiklah pada setiap perkara yang berlaku dan yakinlah bahawa setiap yang terjadi itu pasti ada hikmahnya. Kita hendaklah reda dengan ketentuan Allah kerana bersangka baik mempunyai banyak kebaikan dan kelebihan.

Apa yang dimaksudkan dengan berbaik sangka ialah tidak memandang diri lebih baik, lebih bagus, lebih afdal dan lebih tinggi daripada sesiapa pun, jika ternampak sesuatu yang boleh membuat kita bersangka buruk kepada orang lain, maka carilah alasan untuk keluar dari sangkaan buruk tersebut agar kita dapat bersangka baik dengannya.

Antara kata-kata nasihat Sheikh Abdul Kadir Al-Jailani agar kita sentiasa mengamalkan sifat bersangka baik sesama manusia, iaitu : Jika engkau bertemu dengan seseorang, maka yakinlah bahawa dia lebih baik darimu. Ucapkanlah dalam hatimu : Mungkin kedudukannya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala jauh lebih baik dan lebih tinggi dariku.

Jika bertemu anak kecil, maka ucapkanlah dalam hatimu : anak ini belum bermaksiat terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, sedangkan diriku telah bermaksiat kepada-Nya. Tentu anak ini jauh lebih baik dariku.

Jika bertemu orang tua, maka ucapkanlah dalam hatimu : Dia beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala lebih lama dariku, tentu dia lebih baik dariku.

Jika bertemu dengan orang yang berilmu, maka ucapkanlah dalam hatimu : Orang ini memperolehi, mencapai kedudukan yang tidak akan pernah ku capai, dia mengetahui apa yang tidak aku ketahui dan dia mengamalkan ilmunya, tentu dia lebih baik dariku.

Jika bertemu dengan orang yang bodoh, maka katakanlah dalam hatimu : Orang ini bermaksiat kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada hal aku mengetahui hakikatnya. Aku tidak tahu bagaimana akhir umurku kelak. Dia tentu lebih baik dariku.

Jika bertemu dengan orang kafir, maka katakanlah dalam hatimu : Aku tidak tahu bagaimana keadaannya kelak, mungkin di akhir usianya dia memeluk Islam dan beramal soleh. Dan mungkin boleh jadi di akhir usia diriku kufur dan berbuat buruk.

Buang sifat bersangka buruk dengan kembali kepada ajaran agama Islam, iaitu dengan memperbanyakkan istighfar dan memohon taubat kepada Allah. Ini kerana manusia tidak pernah terlepas dari melakukan kesilapan dan dosa. Berikut adalah antara petikan Khutbah Jumaat pada 31 Mac 2017 yang dapat jadi renungan kita bersama.

Agama Islam mengajar kita memiliki hati yang suci lagi bersih, tidak mudah menaruh prasangka buruk sesama insan apa lagi terhadap Allah. Keharmonian dan kebahagiaan dalam kehidupan, itulah yang diimpikan, bersangka baik untuk perpaduan dalam kehidupan, begitu juga dalam berkeluarga, beragama, bermasyarakat dan berwatan, semoga kita sentiasa dalam perlindungan, sama-sama bersatu hati menuju dan mencapai satu impian juga wawasan. **- Ketua Penyuntingan (Nb).**




## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi APRIL | HARI | Hijrah REJAB | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | SABTU | 4 | 4.52 | 5.02 | 6.19 | 6.42 | 12.25 | 3.26 | 6.29 | 7.38 |
| 2 | AHAD | 5 | 4.52 | 5.02 | 6.19 | 6.41 | 12.25 | 3.25 | 6.29 | 7.38 |
| 3 | ISNIN | 6 | 4.51 | 5.01 | 6.18 | 6.41 | 12.25 | 3.25 | 6.29 | 7.38 |
| 4 | SELASA | 7 | 4.51 | 5.01 | 6.18 | 6.40 | 12.24 | 3.26 | 6.29 | 7.38 |
| 5 | RABU | 8 | 4.50 | 5.00 | 6.18 | 6.40 | 12.24 | 3.26 | 6.28 | 7.38 |
| 6 | KHAMIS | 9 | 4.50 | 5.00 | 6.17 | 6.40 | 12.24 | 3.27 | 6.28 | 7.38 |
| 7 | JUMAAT | 10 | 4.49 | 5.49 | 6.17 | 6.39 | 12.24 | 3.27 | 6.28 | 7.38 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Belia Islam diseru sama-sama atasi isu gejala sosial

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman menyaksikan pameran Karnival Cinta Masjid yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong.

**SENGKURONG**, Jumaat, 31 Mac. - Para belia Islam diseru untuk sama-sama memikirkan cara mengatasi isu gejala sosial yang semakin meningkat dan membimbangkan.

Ketua Belia Kumpulan Syababul Iman Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong, Awang Muhd. Najib Min Fadhlillah bin Haji Abdul Majid menyeru demikian pada Majlis Pelancaran Karnival Cinta Masjid yang berlangsung di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong, di sini.

Awang Muhd. Najib Min Fadhlillah seterusnya menggesa para belia Islam agar menggunakan apa juga potensi dan kelebihan yang ada untuk disumbangkan demi kesejahteraan ummah.

Katanya, sudah tiba masanya para belia Islam bangun dari lena yang panjang demi untuk sama-sama membantu negara yang kita cintai dari pelbagai bentuk anasir negatif yang melanda.

"Di sinilah antara peranan belia masjid itu ditubuhkan, pendekatan belia kepada belia merupakan satu pendekatan dakwah yang lebih efektif dan membuahkan hasil.

Sebagai seorang syabab ataupun belia, setentunya memiliki idea-idea yang menarik, kreatif dan invatif akan dapat mengajak rakan belia yang lain untuk menyertai program-program anjuran kelab belia masjid," ujarnya lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut dan seterusnya merasmikan karnival tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Karnival tersebut diisikan dengan aktiviti umum seperti Peraduan Mewarna Bagi Kanak-Kanak dan Pondok Gambar (Photobooth), Petak Pameran dan Kesedaran Orang Ramai, Kempen Derma Darah, Walkaton dan Berbasikal, Ceramah dan Forum Perdana serta pertandingan berunsur keugamaan seperti Pertandingan Nasyid, Tausyeh dan Pertandingan 'Pencetus Ummah'.

Karnival tersebut antara lain bertujuan untuk mengimarahkan dan menghidupkan masjid dengan pelbagai aktiviti keugamaan dan kemasyarakatan, selain menzahirkan dan memahami fungsi masjid sebagai tempat yang digemari dan tidak asing bagi masyarakat.

Karnival yang dianjurkan oleh Masjid Sultan Sharif Ali melalui Kumpulan Syababul Iman tersebut berlangsung selama tiga hari bermula hari ini dan berakhir pada 2 April 2017.




MENTERI Hal Ehwal Ugama merasmikan Karnival Cinta Masjid anjuran Masjid Sultan Sharif Ali melalui Kumpulan Syababul Iman.



KARNIVAL Cinta Masjid diisi dengan pelbagai aktiviti antaranya ialah Peraduan Mewarna Bagi Kanak-Kanak dan Pondok Gambar (Photobooth), Petak Pameran dan Kesedaran Orang Ramai dan lain-lain lagi (kanan).

# Hari Menabung Kebangsaan 28 Mei 2017

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi




PEMANGKU Penolong Pengarah Eksekutif Unit Isu Pengguna Kewangan, Dayang Rina Hayane binti Sumardi (kiri) dan Penolong Pengarah Eksekutif Unit Perhubungan Korporat, Dayang Hajah Nurhuaida Fakhriah binti Haji Damit, selaku Ketua Bersama Sekretariat Hari Menabung Kebangsaan 2017 (kanan) ketika menjelaskan mengenai Hari Menabung Kebangsaan semasa sidang media yang diadakan di AMBD, Bangunan Lembaga Matawang dan Monetari Brunei, Commonwealth Drive.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 31 Mac. - Negara Brunei Darussalam akan menyambut Hari Menabung Kebangsaan pada setiap 28 Mei semenjak mula diisytiharkan pada 28 Mei 2015 oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

Hari Menabung Kebangsaan bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam dengan menggalakkan budaya menabung dan sikap pengurusan kewangan yang berhemah serta meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kewangan di negara ini.

Pada tahun ini, Hari Menabung Kebangsaan merupakan kerjasama di antara AMBD dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Radio Televisyen Brunei, Tabung Amanah Pekerja (TAP) serta agensi-agensi dan institusi-institusi berkenaan.

Demikian dijelaskan oleh Penolong Pengarah Eksekutif Unit Perhubungan Korporat, Dayang Hajah Nurhuaida Fakhriah binti Haji Damit, selaku Ketua Bersama Sekretariat Hari Menabung Kebangsaan 2017 semasa sidang media yang diadakan di AMBD, Bangunan Lembaga Matawang dan Monetari Brunei (BCMB), Commonwealth Drive, di sini.

Semasa mempengerusikan sidang media berkenaan, Dayang Hajah Nurhuaida Fakhriah menerangkan bahawa Hari Menabung Kebangsaan pada tahun ini membawa tema 'Generasi Celik Kewangan'.

Tema tersebut, ujar beliau, merupakan salah satu inisiatif AMBD untuk membangunkan generasi yang bukan sahaja celik kewangan malah berdikari dalam pengurusan kewangan.

Sementara itu, Pemangku Penolong Pengarah Eksekutif, Unit Isu Pengguna Kewangan, Dayang Rina Hayane binti Sumardi pula menjelaskan, bermula pada 4 April 2017, pihak AMBD akan menganjurkan jerayawara ke sekolah-sekolah terpilih di keempat daerah yang menyasarkan kepada penyertaan pelajar-pelajar dari Tahun 7 dan Tahun 9.

Dalam pada itu, AMBD juga akan mengadakan 'Financial Fun Fair' yang akan disertai oleh TAP dan institusi-institusi kewangan lainnya.

Selain itu, dalam menggalakkan dan meningkatkan kesedaran kewangan, satu pertandingan promo radio terbuka bagi penyertaan para penuntut sekolah menengah dan pertandingan promo video terbuka bagi penyertaan orang ramai turut diadakan.

Para pemenang akan diumumkan pada majlis Financial Showcase yang diadakan pada hari Sabtu, 20 Mei 2017 bertempat di Airport Mall, Berakas yang akan disertai oleh pelbagai institusi kewangan.

Orang ramai khususnya yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2017 dialu-alukan melayari laman sesawang AMBD di alamat *www.ambd.gov.bn/nsd2017* atau memuat turun aplikasi AMBD di 'App Store' atau 'Google Playstore'. Sementara itu, pengguna-pengguna media sosial Instagram boleh mengikutinya melalui id Instagram *@autoriti_monetari*.

***HARI Menabung Kebangsaan bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan di Negara Brunei Darussalam dengan menggalakkan budaya menabung dan sikap pengurusan kewangan yang berhemah serta meningkatkan kesedaran mengenai produk dan perkhidmatan kewangan di negara ini.***

# Cari kaedah tangani dan perbaiki keluarga bermasalah

Dari muka 1

Maka dalam hubungan ini, ujar Yang Berhormat, relevansinya KUPU SB meluaskan skop ilmu pendidikannya kepada ilmu yang dapat memenuhi keperluan sedemikian itu.

"Lepasan atau graduan dari pusat perguruan ugama yang tunggal di negara kita ini khasnya yang masuk ke KUPU SB ini mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (In-Service Training) hendaklah bersedia memberikan khidmat tambahan.

Mungkin pula khidmat sosial secara khidmat nasihat keluarga itu menjadi peluang mereka untuk menubuhkan kumpulan sendiri dan tidak pula tertutup peluang atau kemungkinan andainya mereka menjadikan khidmat bantu dan nasihat keluarga itu sebagai khidmat tambahan, di samping kerjaya masing-masing di sektor persendirian.

Apa yang penting ialah mereka dan ramai lagi kalangan yang seumpama mereka perlu dilengkapkan dengan ilmu dan kemahiran yang sistematik. Sistematik dalam artikata ilmu yang dipelajari secara teori dan amalinya, iaitulah ilmu ehwal keluarga, Fiqh al-Usrah dalam bidang Al-Ehwal Asy-Syakhsyiah.

Yang Berhormat turut berkongsi data-data perangkaan berkaitan kes jenayah umum, kesalahan di bawah undang-undang keluarga, kejadian sumbang mahram, statistik perceraian serta statistik anak yatim.

Jelas Yang Berhormat, kita mesti melihat realiti dengan insaf untuk memikirkan jalan memperbaiki keadaan kalau pun tidak membanterasnya.

Yang Berhormat seterusnya berharap agar seminar ini akan menghasilkan pemikiran yang praktikal untuk diterjemahkan kepada program-program sosial kemasyarakatan dengan matlamat mengubati penyakit sosial yang telah menjangkit sampai mengakibatkan sesetengah keluarga bermasalah itu.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman semasa berucap dan seterusnya merasmikan Seminar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah anjuran KUPU SB, berlansung di dewan kolej berkenaan.

# Keluarga berperanan penting pembentukan sahsiah anak

Oleh : Aimi Sani
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Mac. - Bagi memperkasa pendidikan kekeluargaan dalam kalangan umat Islam masa kini selain daripada mengenal pasti isu-isu dan cabaran dalam kehidupan berkeluarga, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menganjurkan Seminar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2017 bertempat di Dewan Tarbiyah, KUPU SB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan seminar tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Terdahulu, Pengarah Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah KUPU SB, Hajah Aisyah binti Haji Ghani, selaku Pengerusi Seminar dalam ucapannya berkata seminar selama dua hari itu membawa tema 'Pendidikan Kekeluargaan Menjana Generasi Berwawasan'.

Keluarga ujarnya, memainkan peranan penting dan merupakan ejen pembentukan sahsiah anak-anak.

Dalam pada itu, beliau turut melahirkan kebimbangan terhadap kes kekeluargaan dan pengabaian yang menyumbang kepada peningkatan isu-isu sosial, keruntuhan institusi keluarga dan keruntuhan akhlak anak muda yang sering dikaitkan dengan kegagalan ibu bapa menggalas amanah dan tanggungjawab masing-masing, lebih-lebih lagi dalam era teknologi maklumat dan siber ini.

Justeru itu, beliau menjelaskan bahawa pendidikan kekeluargaan perlu mendominasi pembentukan sahsiah anak-anak dan memainkan peranan penting dalam menjana generasi berwawasan yang berilmu, berakhlak dan dinamik.

Seminar dimuatkan dengan pembentangan tiga kertas utama yang disampaikan oleh Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar yang membawa tajuk 'Bi'ah Keluarga Sakinah Asas Pembangunan Masyarakat', Profesor Madya Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling, Kulliyyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Profesor Madya Dr. Mastura binti Badzis membawakan tajuk 'Mendepani Cabaran Membina Generasi Berwawasan' dan Profesor Madya Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail dari Jabatan Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya pula membentangkan tajuk 'Mengurus Keluarga dan Kerjaya dalam Organisasi : Analisis Menerusi Pendekatan Al-Radayyun, Al-Maqasidi dan Al-Wasatiyyah'.

Selain itu, seminar juga melibatkan pembentangan 48 kertas kerja selari yang disampaikan oleh ahli-ahli akademik dari dalam dan luar negara seperti Malaysia, Indonesia dan Maldives yang disampaikan dalam tiga bahasa pengantar, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Kira-kira 200 peserta yang terdiri daripada ahli akademik, pegawai dan kakitangan kerajaan, mahasiswa dan mahasiswi institut pengajian tinggi serta orang awam menghadiri seminar tersebut.

Seminar diharap dapat memberikan penjelasan kepada masyarakat mengenai pendidikan kekeluargaan termasuk cabaran-cabaran dalam menjalani hidup bekeluarga yang semakin mencengkam selain boleh dijadikan *platform* untuk penyebaran ilmu dan perkongsian maklumat serta pengalaman yang berkaitan dengan isu-isu kekeluargaan di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, ia juga menjadi wadah dalam menanai objektif Pusat Kajian Fiqh al-Usrah untuk menjadi pusat kajian dan penyelidikan ilmiah berhubung dengan Fiqh al-Usrah pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi keperluan agama, masyarakat dan negara.



PENGARAH Pusat Kajian Fiqh Al-Usrah KUPU SB, Hajah Aisyah binti Haji Ghani, selaku Pengerusi Seminar semasa memberikan ucapan alu-aluan pada majlis perasmian tersebut.



PARA peserta dari pelbagai agensi yang mengikuti Seminar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2017 (atas dan bawah).



*'PENDIDIKAN kekeluargaan perlu mendominasi pembentukan sahsiah anak-anak dan memainkan peranan penting dalam menjana generasi berwawasan yang berilmu, berakhlak dan dinamik.'*

# Pengusaha belia tempatan ketengahkan pelbagai produk

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi semasa dibawa menyaksikan pelbagai produk yang dijual oleh pengusaha tempatan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 31 Mac. - Festival Makanan dan Fesyen Brunei 2017 (Brunei Food & Fashion Festival 2017) yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dihasrat sebagai landasan bagi mengetengahkan dan mempromosikan produk-produk pengusaha anak belia tempatan ke peringkat yang lebih jauh.

Sehubungan itu, lebih 50 petak jualan disediakan bagi memberi laluan kepada belia-belia tempatan menyertai festival yang akan diadakan selama seminggu bermula 31 Mac sehingga 6 April depan.

Hadir merasmikan festival tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Awang Farisan bin Mansur bagi pihak pengurusan Star Bugs Event Management dalam ucapan alu-aluannya menyatakan, pelbagai jenis produk diketengahkan di festival berkenaan oleh para belia yang berpotensi bukan sahaja di dalam negeri malahan ada di antaranya sudah melangkah jauh sehingga ke luar negeri.

Ini jelasnya, adalah satu pencapaian yang amat membanggakan terutama bagi pengusaha Belia Brunei yang masa ini sudah berani keluar dari kepompong mereka sendiri.

Menurutnya lagi, pameran festival yang dipamerkan sendiri oleh pengusaha-pengusaha belia Brunei termasuk usahawan Brunei yang telah pun lama bertapak di Brunei Darussalam sedikit sebanyak menolong meningkatkan ekonomi Negara Brunei Darussalam.



AWANG Farisan bin Mansur selaku wakil pihak pengurusan Star Bugs Event Management menyampaikan ucapan alu-aluan.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof merasmikan Festival Makanan dan Fesyen Brunei 2017.

Festival kali ini mempromosikan produk-produk kecantikan, makanan dan hijab yang disertai oleh belia-belia Brunei termasuk usahawan negara ini yang telah lama bergiat dalam bidang perniagaan.

Turut ditawarkan pada festival kali ini ialah pembelian Durian Musang King pada harga istimewa daripada vendor, di samping pemberian lebih 100 telur secara percuma termasuk 100 martabak dan minuman panas.

Penganjur menyarankan orang ramai untuk mengambil kupon terlebih dahulu daripada pihak komiti di Stadium Tertutup tersebut.

Selain jualan, pihak pengajur turut menganjurkan beberapa aktiviti yang menarik bagi kanak-kanak yang hadir antaranya permainan *bouncer,* Kid Gokart, Bubble Ballons, beca dan bergambar bersama Dinosaur.

Matlamat festival ini adalah untuk menambahkan pendapatan para usahawan dan peniaga Brunei terutama sekali semasa musim cuti persekolahan penggal pertama di mana orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung dan memeriahkan lagi festival ini.

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad.

## Pelantikan dan kenaikan pangkat Pegawai Kanan PDB



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam (kiri) semasa menyempurnakan kenaikan pangkat bagi Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis (Senior Assistant Commissioner of Police), Awang Mohammad Irwan bin Haji Hambali, Pemangku Sementara Timbalan Pesuruhjaya Polis untuk dilantik dan dinaikkan pangkat sebagai Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis selama enam (6) bulan bermula pada 1 Mac 2017.

Oleh : Khartini Hamir, Mahirah Haji Mohd. Raduan
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**GADONG,** Khamis, 30 Mac. - Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis (Senior Assistant Commissioner of Police), Awang Mohammad Irwan bin Haji Hambali, Pemangku Sementara Timbalan Pesuruhjaya Polis untuk dilantik dan dinaikkan pangkat sebagai Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis selama enam (6) bulan bermula pada 1 Mac 2017.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan kenaikkan pangkat tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam dan isteri, Datin Hajah Kamariah binti Haji Abdul Hamid.

Majlis berlangsung di Dewan Bankuet Mes Pegawai, Kompleks Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), di sini.

Juga hadir sama ialah Pegawai-pegawai kanan PDB. Majlis kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong.

## Jerayawara PKBN di Petani Mall, Tutong

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**TUTONG,** Jumaat, 31 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Bahagian Khidmat Bakti Negara mengadakan Jerayawara Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) bagi Tahun 2017 selama tiga hari di ruang legar, Aras Bawah, Petani Mall, Tutong, di sini.

Urus Setia PKBN (Ibu Pejabat), Dayang Siti Musfairuz binti Haji Mohamad ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan bahawa jerayawara tersebut bermula jam 9.00 pagi sehingga 8.00 malam.

Jerayawara tersebut serba sedikit mendedahkan orang ramai mengenai kemudahan-kemudahan kem baharu di Batu Apoi, Temburong melalui tayangan video yang disediakan.

"Jerayawara itu khusus bagi mendedahkan PKBN secara meluas lagi kepada pelbagai lapisan masyarakat terutama belia dan beliawanis yang berhasrat untuk menyertai latihan PKBN pengambilan tahun ini," tambahnya lagi.

Penubuhan PKBN bermatlamat untuk melahirkan generasi belia yang bertanggungjawab, berdisiplin, dinamik, bersatu padu, cekal serta mampu untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan memperkukuhkan ketahanan nasional.



ANTARA pameran pada Jerayawara Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Tahun 2017 yang berlangsung di Petani Mall, Tutong.

# P.K.L diberikan atas perkhidmatan cemerlang





MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof menyempurnakan penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) kepada dua pegawai (kiri dan kanan).

**Berita dan Foto :**
**Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 29 Mac 2017. - Seramai 23 orang warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya menerima pingat masing-masing di atas jasa bakti yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan selain sebagai perangsang untuk meningkatkan motivasi terhadap tugasan untuk terus memberikan sumbangan terhadap organisasi.

Majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-70 itu disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof bertempat di Dewan Digadong, kementerian tersebut.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Hajah Nolila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai-pegawai dan kakitangan KKBS.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Shahrul Ezam bin Haji Abdul Latiff dari Pusat Pembangunan Belia diikuti dengan ucapan daripada Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad.

Awang Haji Noor Jusmin yang juga selaku Pengerusi Majlis berkata, para penerima adalah terdiri daripada mereka yang menyumbangkan khidmat bakti yang cemerlang kepada Kerajaan selama dua puluh tahun dengan mencurahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Salah seorang penerima pingat semasa ditemui, Dayang Hajah Zainab binti Haji Julaihi, seorang kerani yang telah berkhidmat selama lebih 25 tahun menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas pengurniaan P.K.L ini.




MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang menerima P.K.L dalam sesi bergambar ramai.

# KDNK Suku Keempat 2016 dianggarkan BND4 bilion

**Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 29 Mac. - Dalam tempoh Suku Keempat 2016 (Q4 2016), Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Negara Brunei Darussalam pada harga semasa dianggarkan berjumlah BND4.0 bilion berbanding BND4.3 bilion pada Q4 2015.

Sektor minyak dan gas bernilai BND2.0 bilion yang menyumbangkan 50.3 peratus kepada jumlah nilai tambah kasar.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), dari segi pertumbuhan KDNK pada harga tetap, Q4 2016 mencatatkan penurunan sebanyak 3.6 peratus tahun ke tahun.

Ia adalah disebabkan oleh penurunan terutamanya dalam Sektor Minyak dan Gas sebanyak 6.1 peratus.

Sementara itu, sektor bukan minyak dan gas juga menurun sebanyak 0.3 peratus, penurunan dalam Sektor Minyak dan Gas adalah disebabkan oleh penurunan bagi kedua-dua Sektor Perlombongan Minyak dan Gas serta Pembuatan LNG dan Methanol masing-masing sebanyak 3.9 peratus dan 13.4 peratus.

Ia adalah berikutan pengurangan dalam pengeluaran minyak dan gas kepada 333.4 ribu *barrels of oil equivalent* sehari (kboe/d) pada Q4 2016 daripada 361.7 ribu boe sehari pada Q4 2015.

Pengeluaran LNG juga mencatatkan penurunan daripada 894.1 ribu MMBtu sehari pada Q4 2015 kepada 790.2 ribu MMBtu sehari pada Q4 2016.

Mengikut jenis kegiatan ekonomi, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan meningkat sebanyak 1.6 peratus disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran sayur-sayuran, buah-buahan dan pertanian lain (13.3 peratus), perhutanan (15.9 peratus) dan ternakan (2.8 peratus).

Dalam Siaran Akhbar JPKE juga menyatakan, sektor industri mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 5.7 peratus disebabkan oleh penurunan dalam kesemua aktiviti di bawahnya, kecuali lain-lain pembuatan juga pembuatan makanan dan minuman masing-masing meningkat sebanyak 4.3 peratus dan 1.0 peratus.

Sektor Perkhidmatan juga menurun sebanyak 0.3 peratus, disebabkan oleh penurunan terutamanya dalam Perdagangan Borong dan Runcit (7.0 peratus), diikuti oleh Perkhidmatan Perniagaan (9.2 peratus) dan Perkhidmatan Pendidikan (5.1 peratus). Sementara itu, aktiviti-aktiviti perkhidmatan yang mencatatkan pertumbuhan positif ialah kewangan sebanyak 12.8 peratus, hartanah dan pemilikan tempat kediaman 2.9 peratus serta pengangkutan udara 4.7 peratus.

KDNK mengikut pendekatan perbelanjaan mencatatkan penurunan dalam perbelanjaan penggunaan akhir persendirian sebanyak 2.8 peratus, pembentukan modal kasar (6.2 peratus), eksport barangan dan perkhidmatan (16.7 peratus).

Sementara itu, perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan mencatatkan peningkatan sebanyak 0.5 peratus serta import barangan dan perkhidmatan (5.8 peratus).

Bagi keseluruhan tahun 2016, KDNK tahunan adalah bernilai BND15.7 bilion pada harga semasa dan pertumbuhan KDNK pada harga tetap mencatatkan penurunan sebanyak 2.5 peratus.

KDNK adalah ukuran bagi jumlah nilai barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barangan dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran.

Laporan penuh KDNK Q4 2016 boleh diperoleh melalui laman sesawang JPKE : *www.depd.gov.bn*.

# Penyebaran ilmu isu kekeluargaan

Oleh : Mahirah Haji Mohd. Raduan
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (dua, kiri) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Seminar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2017 anjuran Pusat Kajian Fiqh al-Usrah, KUPU SB.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 30 Mac. - Seminar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2017 anjuran Pusat Kajian Fiqh al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menjadi platform untuk penyebaran ilmu dan perkongsian maklumat serta pengalaman berkaitan dengan isu-isu kekeluargaan di Negara Brunei Darussalam.

Seminar dua hari itu sekali gus menjadi wadah dalam menanai objektif Pusat Kajian Fiqh al-Usrah untuk menjadi pusat kajian dan penyelidikan ilmiah berhubung dengan Fiqh al-Usrah pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi keperluan ugama, masyarakat dan negara.

Sehubungan itu, majlis penutupan seminar tersebut berlangsung di Dewan Tarbiyah, KUPU SB yang dihadiri oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud selaku tetamu kehormat.

Seminar itu diharap dapat memberikan penjelasan kepada masyarakat mengenai pendidikan kekeluargaan termasuk cabaran-cabaran dalam menjalani hidup berkeluarga.

Sementara itu, Profesor Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail dari Jabatan Siasah Syar'iyyah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Malaysia semasa membentangkan kertas utamanya antara lain menyentuh tiga pendekatan, iaitu al-Tadayyun, al-Maqasidi dan al-Wasatiyyah sebagai asas penyelesaian Pengurusan Keluarga dan Kerjaya Secara Islam (PKKI).

Rumusan kertas utamanya bertajuk 'Mengurus Keluarga dan Kerjaya dalam Organisasi : Analisis Menerusi Pendekatan al-Tadayyun, al-Maqasidi dan al-Wasatiyyah' itu juga menerangkan cabaran menguruskan keluarga dan kerjaya dalam alaf baharu memerlukan pada strategi atau pendekatan bersepadu di antara kaedah moden juga agama.

Ketiga-tiga pendekatan itu tambahnya, menjurus pada usaha memperkukuhkan penghayatan beragama (al-Tadayyun) melalui 10 kaedah, kejelasan arah tuju atau matlamat (al-Maqasidi) serta penerapan nilai akhlak (al-Wasatiyyah) dalam memandu individu sama ada lelaki mahupun perempuan ke arah kejayaan dalam mengurus keluarga dan kerjaya.

Resolusi seminar disampaikan oleh Ketua Bahagian Kertas Kerja, Perumus dan Pelapor, Dr. Awang Zulkifli bin Haji Zakaria.



PROFESOR Madya Dr. Sharifah Hayaati Syed Ismail semasa membentangkan kertas utama pada seminar tersebut.

# Memperkaya strategi ke arah keseimbangan keluarga dan kerjaya



ANTARA jemputan yang hadir semasa Majlis Penutup Seminar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2017.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 30 Mac. - Gabungan pendekatan yang bersifat spiritual, nilai dan sistem Islam yang dinamakan pendekatan al-Tadayyun, al-Maqasidi dan al-Wasatiyyah dijadikan asas pendekatan dalam memperkaya strategi serta panduan ke arah usaha keseimbangan keluarga juga kerjaya.

Perkara demikian merupakan salah satu perkara yang terkandung dalam resolusi Seminar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah yang disampaikan oleh Ketua Bahagian Kertas Kerja, Perumus dan Pelapor, Dr. Awang Zulkifli bin Haji Zakaria pada Majlis Penutupan Rasmi Seminar berkenaan berlangsung di Dewan Tarbiyah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, di sini.

Semasa menyampaikan resolusi, Dr. Awang Zulkifli menyatakan, *bi'ah* atau persekitaran yang bersesuaian ciri-ciri keislaman akan dapat melahirkan individu Muslim yang sempurna akal, rohani dan jasmani.

Beliau menambah, badan-badan sosial dan sukarelawan yang berilmu serta berkemahiran hendaklah diperluaskan keterlibatan mereka dalam membantu penyelesaian isu-isu kekeluargaan juga mengatasi masalah sosial.

Katanya, masalah perceraian dan kes anak tidak sah taraf juga adalah amat membimbangkan serta perlu ditangani dengan segera secara kolektif melalui pendidikan ugama yang mantap dan kesedaran masyarakat.

"Pembentukan generasi berwawasan, memerlukan ibu bapa memahami konsep psikologi Islam dalam pendidikan anak-anak semasa kecil hingga dewasa," ujarnya.

Beliau seterusnya menyentuh perkara yang terkandung dalam resolusi mengenai isu keganasan dan masalah rumah tangga hendaklah diatasi melalui penguatkuasaan peraturan juga undang-undang syariah yang telah ditetapkan, di samping peranan ibu bapa adalah penting dalam membentuk sahsiah anak-anak yang bertakwa bersumberkan Al-Quran dan Al-Hadis.

Menyentuh perkara terakhir yang terkandung dalam resolusi, perlu adanya kerjasama yang mantap di antara sekolah dengan ibu bapa dan masyarakat agar dapat melahirkan sekolah berkesan.

Dalam pada itu, seminar mencadangkan Fiqh al-Usrah perlu dimasukkan dalam kurikulum pendidikan Islam sebagai kursus teras dan wajib pada peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta Pusat Kajian Fiqh al-Usrah perlu menerbitkan buku-buku bersiri mengenai pendidikan kekeluargaan Islam, di samping Kursus Maqasid al-Syariah perlu ditawarkan sebagai kursus teras di IPT.

Selain itu, seminar juga mencadangkan masjid dan media perlu berperanan dalam menyelesaikan isu-isu kekeluargaan melalui program-program berterusan yang mendedahkan panduan hidup berkeluarga secara Islami serta pengendali kursus-kursus keibubapaan dan bengkel menghalusi Fiqh al-Usrah dalam meningkatkan pengetahuan serta kefahaman keluarga juga masyarakat.

# UNISSA sertu bangunan surau tambahan



REKTOR UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (dua, kiri) bersama kakitangan UNISSA bergotong-royong menyertu bangunan tambahan surau UNISSA.

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 30 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan acara menyertu bagi bangunan tambahan surau universiti berkenaan.

Kerja bergotong-royong itu dihadiri oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal yang turut sama menyumbangkan tenaga dalam melaksanakan majlis tersebut bersama dengan pegawai-pegawai utama, pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA.

Acara itu juga turut dibantu oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya.

Amalan tersebut bertujuan bagi membersihkan najis agar sidang jemaah tidak berasa was-was semasa mengerjakan ibadah di dalam surau berkenaan.

Penyertuan bangunan surau itu dilakukan dengan cara mencuci menggunakan tujuh kali dengan air yang bersih dan satu daripadanya menggunakan tanah.

Surau yang terletak berdekatan dengan Kolej Kediaman (Asrama) Universiti, asalnya adalah di atas tapak surau lama, yang mana hanya dapat menampung seramai 200 jemaah.

Apabila terlaksananya projek menaik taraf bangunan selesai sepenuhnya, surau berkenaan dijangka akan dapat menampung seramai 400 jemaah.

# Siap siaga tanai tanggungjawab besar



HAKIM Mahkamah Tinggi Syar'ie, Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Zaimi bin Haji Talip ( tujuh, kiri) ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Makan Malam Undang-Undang atau 'Law Dinner' Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) di Rizqun International Hotel, Gadong.

**Siaran Akhbar : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**
**Foto : Ihsan Rabiatul Haziqah Haji Amirul Husaini, Abdul Yamin bin Abd Kadir**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 30 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU) telah mengadakan Majlis Makan Malam Undang-Undang atau 'Law Dinner' bertempat di Rizqun International Hotel, Gadong.

Acara tersebut merupakan aktiviti wajib bagi para mahasiswa dan mahasiswi program Dwi Ijazah Sarjana Muda Perundangan Syariah (BSL) sepanjang kursus pengajian.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Hakim Mahkamah Tinggi Syar'ie, Yang Arif Dato Seri Setia Awang Haji Zaimi bin Haji Talip.

Menurut tetamu kehormat majlis di dalam ucaptamanya menyatakan bahawa para mahasiswa dan mahasiswi semestinya siap siaga menanai tanggungjawab yang besar dalam menyahut tantangan masa depan di negara yang terus berkembang maju, pesat, membangun dan dinamik di dalam semua aspek bernegara dan berbangsa.

"Mereka adalah aset yang amat berharga dan pemegang candek yang utama dalam usaha merealisasikan hasrat negara seterusnya pada mendaulatkan pelaksanaan undang-undang Allah Subhanahu Wata'ala di Negara Brunei Darussalam ini khususnya," tambah Yang Arif lagi.

Juga hadir, Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, pengamal-pengamal undang-undang dari Pejabat Peguam Negara, Kehakiman Negara, Mahkamah-Mahkamah Syariah dan juga firma-firma guaman.

Timbalan Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Dr. Dayang Hajah Hanan binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Haji Abdul Aziz dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa bidang undang-undang mempunyai liku-likunya yang sukar untuk dilalui berbanding dengan bidang-bidang yang lain.

"Oleh itu, bakal-bakal penyandang kerjaya undang-undang adalah mustahak dari awal-awal lagi untuk dibekalkan dengan semangat dan keyakinan diri yang kuat, bagi memelihara dan mempertahankan keluhuran undang-undang di dalam kehidupan bernegara dan bermasyarakat," ujarnya lagi.

Acara tersebut bertujuan antara lain untuk membina hubungan dan jaringan di antara para mahasiswa dan mahasiswi UNISSA yang menjalani kursus undang-undang dengan pengamal undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu, ia juga berhasrat untuk menjadi sebagai platform untuk memberikan pendedahan kepada para mahasiswa dan mahasiswi untuk menerokai dunia guaman dengan interaksi secara berdepan (*in-person*) dengan individu-individu yang berpengalaman dalam bidang guaman sama ada Sivil mahupun Syariah.

Untuk memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh mahasiswa Fiqh Qada Tahun Dua, Awang Ahmad Hisyamuddin bin Haji Abdul Rahim.

## Negara perlu terus memacu agenda reformasi

**Dari muka 1**

Jawatankuasa Pandu bersidang setiap bulan bagi setiap kumpulan juara untuk melaporkan perkembangan rancangan tindakan mereka, mengetengahkan cabaran yang memerlukan sokongan daripada agensi lain yang berkaitan dan membentangkan prestasi proses utama.

Prestasi ini disokong oleh data dan statistik berkaitan yang dikumpul daripada setiap kumpulan juara. Walau bagaimanapun, sejak awal 2017 Sekretariat EODB dengan Unit PENGGERAK, secara proaktif sama-sama bagi mewujudkan kerjasama yang lebih baik antara sektor kerajaan dan swasta dan maklum balas yang membina semasa mesyuarat bulanan sebagai satu bentuk pengukuran yang berkualiti bagi menilai keberkesanan penambahbaikan.

Sasaran dan pelan tindakan telah dikenal pasti semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pandu Ke-11 pada bulan November 2016 lalu dan terdapat kemajuan sejak tiga bulan kebelakangan ini termasuk beberapa reformasi proses sedang dijalankan yang akan meningkatkan beberapa petunjuk seperti Memulakan Perniagaan, Urusan Permit Pembinaan, Pendaftaran Hartanah, Pembayaran Cukai dan Perdagangan Rentas Boarders.

Pada masa yang sama, pembaharuan perundangan juga sedang dilaksanakan melibatkan Penguatkuasaan Kontrak, Penyelesaian Insolvensi, Perlindungan Minoriti Pelabur dan Peraturan Pasaran Buruh.

Salah satu kunci utama dalam memberi keutamaan tahun ini dari segi proses kerajaan adalah Perdagangan Merentas Sempadan, yang melibatkan beberapa agensi kerajaan di mana kerajaan telah berjaya dalam membuat penambahbaikan seperti pengenalan proses kelulusan serta-merta bagi kedua-dua pengimportan dan pengeksportan barangan dan ia menjimatkan untuk mendapatkan kelulusan dengan segera bagi barangan dan tertakluk kepada proses yang baharu.

Contohnya, jumlah permohonan yang mengambil masa lebih daripada dua jam untuk meluluskan pengisytiharan produk telah dikurangkan daripada 46 peratus pada bulan Ogos kepada 1 peratus pada bulan Februari dan dengan penswastaan Pelabuhan Muara oleh Syarikat Pelabuhan Muara (MPC), usaha sama antara pengendali antarabangsa dan modal kerajaan, akan dilaburkan untuk membeli peralatan baru seperti Kren Dermaga dan Pengendalian Peralatan Kontena dan lain-lain.

Penswastaan ini akan terus meningkatkan kecekapan operasi, kebolehpercayaan dan kapasiti pelabuhan yang seterusnya akan meningkatkan daya saing dengan pelabuhan utama lain di rantau ini.

Selain itu, terdapat juga pindaan undang-undang yang akan diwartakan kepada orang ramai dengan agensi kerajaan yang diberi kuasa dalam masa terdekat melalui sesi dialog dan juga laman *web* rasmi.

Pindaan tersebut akan menggalakkan lagi persekitaran yang *pro-business* dengan membenarkan mahkamah untuk mengurangkan jumlah masa dalam menyelesaikan kes-kes komersial, menyediakan perlindungan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai masalah kewangan dan menggalakkan ketelusan melalui pentadbiran korporat yang lebih baik.

Sekretariat EODB juga telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan akses dan maklumat dengan menyusun semula *www.business.gov.bn* dan ia akan berfungsi sebagai laman sesawang utama untuk berita, maklumat dan acara yang berkaitan dengan pembaharuan kerajaan.

Laman sesawang ini juga akan menyediakan perkhidmatan pemberitahuan kepada orang ramai yang mendaftar ke laman *web* sebaik sahaja terdapat sebarang pengemaskinian.

Inisiatif berkenaan merupakan sebahagian daripada strategi komunikasi urus setia untuk lebih mendekati orang ramai serta perniagaan di negara ini.

# Rasulullah suri keteladanan, penyebar rahmat

**MUKIM SENGKURONG,** Jumaat, 31 Mac. - Dalam sama-sama mengimarahkan rumah Allah di negara ini, Masjid Sultan Sharif Ali buat julung kalinya mengadakan Kempen Solat Subuh bersempena Karnival Cinta Masjid bermula hari ini dan akan berakhir pada Ahad, 2 April 2017 bertempat di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong, di sini.

Menurut imam masjid tersebut, Awang Haji Hamdini bin Haji Garif, aktiviti yang diadakan selama tiga hari itu dianjurkan oleh kumpulan belia masjid berkenaan, Syababul Iman.

Tambahnya, sepanjang karnival diadakan pelbagai aktiviti diadakan yang dibukakan penyertaan kepada orang ramai dalam sama-sama mengimarahkan masjid.

Kempen Solat Subuh turut diserikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh penceramah dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohd. Yussof bin Haji Abdul Majid yang membawa tajuk 'Rasulullah Sebagai Suri Keteladanan dan Penyebar Rahmat'.



PENCERAMAH dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohd. Yussof bin Haji Abdul Majid semasa menyampaikan tazkirah yang bertajuk 'Rasulullah Sebagai Suri Keteladanan dan Penyebar Rahmat' di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong.



PARA jemaah masjid yang hadir semasa Kempen Solat Subuh bersempena Karnival Cinta Masjid.

**Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

Semasa menyampaikan tazkirah berkenaan, Awang Mohd. Yussof turut mengongsikan keperibadian Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang merupakan ikutan dan contoh umat Islam dalam memimpin dan memberi khidmat kepada orang yang dipimpin.

Rasulullah ujarnya, diutus sebagai rahmat kepada seluruh makhluk sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anbiya yang bermaksud "Tidaklah Kami mengutusmu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam."

Terdahulu, Kempen Solat Subuh tersebut didahului dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Haji Mohd. Zaidin bin Haji Mohd. Noor.

Tazkirah yang sama akan diadakan pada hari Sabtu, 1 April dengan tajuk 'Menempah Tiket Ke Syurga Allah' yang akan disampaikan oleh Daie Bertauliah MUIB, Awang Haji Abdul Rahman bin Ajak, manakala pada hari terakhir karnival, Ahad, 2 April, tazkirah yang membawa tajuk 'Masjidku Syurgaku' akan disampaikan oleh Pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah, Dr. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk menghadiri kempen ini dan maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman sosial penganjur iaitu Facebook : *Syababul Iman Mssa* atau laman sosial Instagram *@syababul_iman.*

# Kekalkan kebersihan, cantikan kawasan kampung



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Naim; Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Awang Haji Mohd. Jefri dan Ketua Kampung Pelambayan, Awang Haji Hanipah antara yang turut menyertai kempen kebersihan tersebut.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 31 Mac. - Dalam usaha bagi mengekalkan kebersihan alam sekitar, ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pelambayan serta penduduk yang tinggal di sekitarnya dengan kerjasama Jabatan Muzium-Muzium (JMM) telah mengadakan kempen kebersihan di sepanjang jalan kampung berkenaan termasuklah pekarangan Muzium Teknologi Melayu (MTM).

Kempen kebersihan yang bermula seawal 7.30 pagi itu melibatkan kerja-kerja pembersihan seperti mengutip sampah dan memotong rumput.

Turut menyertai kempen tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, selaku Penghulu Mukim Kota Batu; Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Awang Haji Mohd. Jefri bin Haji Sabli dan Ketua Kampung Pelambayan, Awang Haji Hanipah bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Junit.

Yang Berhormat Awang Naim ketika ditemui berkata, tujuan kempen ini dijalankan adalah untuk menggalakkan penduduk kampung mengamalkan kebersihan di mana sahaja.

Di samping itu, ia juga diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturahim, mencantikkan lagi kawasan kampung dan mengelakkan rumput panjang tumbuh di tepi jalan raya bagi keselamatan bersama selain dapat menerapkan amalan bergotong-royong dalam kalangan generasi muda.

Sementara itu, Ketua Kampung Pelambayan, Awang Haji Hanipah pula menjelaskan, aktiviti seumpama itu merupakan sebahagian daripada aktiviti tahunan kampung berkenaan yang bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara ahli MPK dan juga penduduk kampung.

Manakala bagi Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Awang Haji Mohd. Jefri, MTM terletak di Kampung Pelambayan dan adalah menjadi tanggungjawab bersama JMM untuk sentiasa menjaga persekitaran MTM kerana ia merupakan tempat kunjungan orang ramai serta pelancong.

Kebersihan itu jelas beliau, adalah amat penting dalam kehidupan manusia terutama untuk mengelakkan dan menjauhkan daripada penyakit-penyakit yang merebak pada masa ini.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, selaku Penghulu Mukim Kota Batu.



PEMANGKU Pengarah Muzium - Muzium, Awang Haji Mohd. Jefri bin Haji Sabli ... adalah tanggungjawab semua untuk menjaga kebersihan.



KETUA Kampung Pelambayan, Awang Haji Hanipah bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Junit ... sebagai aktiviti tahunan kampung.

# BIG Festival 2017 tawarkan beraneka jenis jualan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali




PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd. Tahir (kiri) semasa menerima Tabung Amal Anak Yatim daripada wakil pihak penganjur, BW Management, Hartunno Md. Soud (kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 30 Mac. - Brunei International Grand (BIG) Festival 2017 menawarkan beraneka jenis jualan daripada para peniaga tempatan dan luar negara bermula 30 Mac di Dewan 1 BRIDEX, Jerudong.

Lebih 50 petak jualan terdapat pada festival selama empat hari itu bermula dari jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam, dirasmikan oleh Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd. Tahir selaku tetamu kehormat.

Majlis perasmian turut diselajurkan dengan penyerahan tabung amal oleh wakil dari BIG Festival dan kepada tetamu kehormat.

Festival diadakan bagi menyemarakkan lagi sempena sambutan cuti persekolahan dan sambil beramal kebajikan.

Antara lain tujuan festival tersebut adalah untuk memupuk dan menanamkan sifat yang berkonsepkan keagamaan mengenai dengan jual beli mengikut konsep jual beli yang memangkin kemajuan ekonomi negara.

Selain itu, ia juga untuk memperkembangluaskan peniaga-peniaga tempatan mengikut produk-produk jualan yang bersistematik dan membantu mereka menjadi peniaga yang maju jaya di negara ini.



PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat semasa berkunjung ke salah satu petak jualan Brunei International Grand Festival 2017 di Dewan 1, BRIDEX (kiri).

# Kempen Derma Darah sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-56

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 30 Mac. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dengan kerjasama Unit Tabung Simpanan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) menjalankan Kempen Derma Darah sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-56.

Kempen Derma Darah yang bermula pada 1 Mac lalu itu dilaksanakan di semua unit angkatan tentera di semua Garison, Perkhemahan dan Pangkalan ABDB dan menerima sebanyak 326 penderma tampil untuk menderma darah setakat ini.

Wakil Kementerian Kesihatan dari Unit Tabung Simpanan Darah Hospital RIPAS terlebih dahulu menjalankan pemeriksaan kesihatan kepada penderma darah yang berpotensi.

Unit Tabung Simpanan Darah menggalakkan para penderma darah yang layak untuk mendermakan semua jenis darah untuk mengukuhkan tabung darah masyarakat untuk manfaat semua. Kempen Derma Darah menggalakkan anggota ABDB, keluarga dan mantan perajurit untuk ikut serta dalam kempen berkebajikan ini. Ia juga bertujuan untuk memupuk sifat amal jariah dan mendidik kepentingan menderma darah untuk menyelamatkan nyawa.

Kempen Derma Darah yang berikutnya akan diadakan di Akademi Pertahanan ABDB pada 5 dan 12 April, diikuti dengan Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) di Pangkalan Muara pada 19 dan 26 April, Institut Latihan ABDB pada 20 April dan berakhir di Perkhemahan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei pada 13 Julai.



ANTARA anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang menderma darah pada kempen tersebut.

# Bersangka baik amalan mulia

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Dalam menempuh kehidupan seharian yang penuh cabaran, dugaan dan rintangan, kita sebagai umat Islam dituntut untuk sentiasa berfikir positif dan tidak mudah berputus asa serta menjauhkan diri dari bersangka buruk. Ini kerana segala dugaan atau cubaan yang kita hadapi merupakan ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, sebagai umat Islam kita dianjurkan untuk sentiasa bersangka baik kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan juga bersangka baik sesama manusia. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Qudsi yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah yang bermaksud daripada Abu Hurairah Radhiallahanhu ia berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Allah Ta'ala berfirman, Aku menurut sangkaan hamba-Ku kepada-Ku, dan Aku bersamanya ketika ia mengingati-Ku, jika ia ingat kepada-Ku dalam dirinya maka Aku ingat kepadanya dalam diri-Ku. Jika ia ingat kepada-Ku dalam kelompok orang banyak maka Aku mengingatinya dalam kelompok yang lebih baik daripadanya. Jika ia mendekat kepada-Ku sejengkal, maka Aku mendekat kepadanya sehasta. Jika ia datang kepada-Ku dengan berjalan maka Aku datang kepadanya dengan berlari-lari kecil."*

Ketahuilah, Allah tidak akan menguji hamba-hamba-Nya di luar kemampuan hamba-hamba-Nya itu sendiri kerana Allah Subhanahu Wata'ala mengetahui apa yang terbaik untuk kita. Walaupun perkara itu sesuatu yang kita benci maka janganlah kita cepat bersangka buruk terhadap Allah Subhanahu Wata'ala seperti mengeluh, merintih, marah, jika doa dan hajat kita lambat atau belum dimakbulkan dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 216 :

**Tafsirnya :** *"Dan boleh jadi kamu tidak menyukai kepada sesuatu pada hal ia baik bagi kamu dan boleh jadi kamu menyukai sesuatu pada hal ia buruk bagi kami. Dan Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui."*

Sesungguhnya bersangka baik sangat dituntut dalam Islam kerana bersangka baik itu dapat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan dapat mengelakkan dari permusuhan sesama manusia. Bersangka baiklah pada setiap perkara yang berlaku dan yakinlah setiap yang terjadi itu pasti ada hikmahnya, kita hendaklah reda dengan ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala kerana bersangka baik mempunyai banyak kebaikan dan kelebihan, antaranya ialah :

- Sentiasa bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala.
- Mengelakkan manusia dan ummah daripada berpecah belah.
- Dapat membersihkan hati daripada sifat- sifat *mazmumah* (tercela).
- Sentiasa merasa bahagia atas kejayaan yang dicapai oleh orang lain.
- Hubungan persahabatan dan persaudaraan menjadi lebih erat dan baik.

Sesungguhnya yang dimaksudkan dengan berbaik sangka ialah tidak memandang diri lebih baik, lebih bagus, lebih afdal dan lebih tinggi dari sesiapa pun, jika ternampak sesuatu yang boleh membawa kita bersangka buruk kepada orang lain maka carilah alasan untuk keluar dari sangkaan buruk tersebut agar kita dapat bersangka baik dengannya. Ingatlah kata-kata nasihat Sheikh Abdul Kadir Al-Jailani agar kita sentiasa mengamalkan sifat bersangka baik sesama manusia, iaitu :

- Jika engkau bertemu dengan seseorang, maka yakinlah bahawa dia lebih baik darimu. Ucapkanlah dalam hatimu : Mungkin kedudukannya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala jauh lebih baik dan lebih tinggi dariku.
- Jika bertemu anak kecil, maka ucapkanlah dalam hatimu : anak ini belum bermaksiat terhadap Allah Subhanahu Wata'ala, sedangkan diriku telah bermaksiat kepada-Nya. Tentu anak ini jauh lebih baik dariku.
- Jika bertemu orang tua, maka ucapkanlah dalam hatimu : Dia beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala lebih lama dariku, tentu dia lebih baik dariku.
- Jika bertemu dengan orang yang berilmu, maka ucapkanlah dalam hatimu : Orang ini memperolehi, mencapai kedudukan yang tidak akan pernah ku capai, dia mengetahui apa yang tidak aku ketahui dan dia mengamalkan ilmunya, tentu dia lebih baik dariku.
- Jika bertemu dengan orang yang bodoh, maka katakanlah dalam hatimu : Orang ini bermaksiat kepada Allah Subhanahu Wata'ala pada hal aku mengetahui hakikatnya. Aku tidak tahu bagaimana akhir umur ku kelak. Dia tentu lebih baik dariku.
- Jika bertemu dengan orang kafir, maka katakanlah dalam hatimu : Aku tidak tahu bagaimana keadaanya kelak, mungkin di akhir usianya dia memeluk Islam dan beramal soleh. Dan mungkin boleh jadi di akhir usia diriku kufur dan berbuat buruk.

Oleh yang demikian, buanglah sifat bersangka buruk dari diri kita dengan kembali kepada ajaran agama Islam yang sebenar, salah satu caranya ialah dengan memperbanyakkan istighfar dan memohon taubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana manusia tidak pernah terlepas daripada melakukan kesilapan dan dosa. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

**Maksudnya :** *"Daripada Abu Hurairah Radhiallahanhu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Jauhilah kamu dari prasangka, kerana sesungguhnya prasangka itu adalah sebohong-bohong rekaan rasa hati."* (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Sesungguhnya agama Islam mengajar umatnya agar memiliki hati yang suci bersih, dan tidak mudah menaruh prasangka buruk terhadap Allah Subhanahu Wata'ala dan sesama insan. Sebagai umat Islam yang inginkan keharmonian dan kebahagian dalam kehidupan,




maka sewajarnya kita bersangka baik untuk perpaduan dalam kehidupan bekeluarga, beragama, bermasyarakat dan bernegara. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita dapat kebahagian hidup di dunia dan di akhirat. Amin Ya Rabbal Alamin.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al Hujuraat, ayat 12 :

**Tafsirnya :** *"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebaikan daripada prasangka, sesungguhnya sebahgian prasangka itu adalah dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain."*

# Majlis Khatam dan Doa Kesyukuran



**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 31 Mac. - Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena Hari Ulang Tahun Jabatan Agama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-11 diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ketua Staf ABDB, Kolonel Haji Abdul Hadi bin Haji Saim.

**KETUA Staf ABDB, Kolonel Haji Abdul Hadi bin Haji Saim ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dan Doa Kesyukuran sempena Hari Ulang Tahun Jabatan Agama ABDB Ke-11 diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison.**

Juga hadir sama ialah pengarah-pengarah, timbalan-timbalan pemerintah angkatan tentera, timbalan-timbalan komandan, pegawai-pegawai dan kakitangan tentera dan awam Jabatan Agama ABDB.

Majlis terdahulunya dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang kemudian diikuti Solat Fardu Maghrib Berjemaah dan seterusnya Tahtim dan Dikir Marhaban dan juga kemudiannya diselajurkan dengan Solat Fardu Isyak Berjemaah.



**PEGAWAI-pegawai dan kakitangan tentera dan awam warga Jabatan Agama ABDB semasa hadir pada majlis tersebut.**

# Aktiviti Pustaka Ria beri penghargaan kanak-kanak dan remaja



PEMBANTU Perpustakaan Tingkat II, Awang Mohd. Khairul Syazuan bin Bakar semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.

**Berita dan Foto : Noraisah Muhammed**

**SERIA**, Khamis, 30 Mac. - Hari terakhir cuti penggal pertama, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Seria mengadakan aktiviti Pustaka Ria bagi memberi hadiah-hadiah sebagai tanda penghargaan kepada kanak-kanak, remaja dan belia yang mengikuti aktiviti yang diungkayahkan oleh cawangan berkenaan.

Aktiviti tersebut diungkayahkan sebagai mengisi masa lapang dan menambah ilmu pengetahuan para pelajar melalui kegiatan luar sekolah pada musim cuti persekolahan penggal pertama.

Sehubungan itu, Perpustakaan DBP Cawangan Seria telah menyusun beberapa kegiatan dan aktiviti sejak 20 Mac lalu dan mereka telah menghantar poster dan jadual aktiviti Perpustakaan Seria ke sekolah-sekolah.

Setiap perpustakaan, baik kecil mahupun besar, yang diatur dan dipelihara dengan baik sehingga pelaksanaan kegiatan kerja dapat berjalan dengan efisien dan efektif.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Pembantu Perpustakaan Tingkat II, Awang Mohd. Khairul Syazuan bin Bakar dan Pembantu Perpustakaan Tingkat II, Dayang Siti Jamaliah binti Jamil menjelaskan beberapa aktiviti telah dijadualkan sepanjang cuti sekolah musim pertama ini.

Sebagai peringatan bersama buat ibu bapa dan kepada anak-anak mereka serta para remaja supaya mengambil peluang yang ditawarkan oleh pihak perpustakaan terutama kepada mereka yang bakal menghadapi peperiksaan sebagai langkah persediaan.

"Ini juga mencerminkan keperibadian anak-anak dan keluarga dalam mendidik dan mendisiplinkan peribadi mereka," jelas Awang Mohd. Khairul Syazuan.

Antara aktiviti yang dijalankan seperti mewarna, menyambung karangan bergambar dan sebagainya yang disertai oleh ahli-ahli kelab perpustakaan juga para pengunjung remaja dengan membuat pelbagai jenis aktiviti yang telah disediakan.

Pelita Brunei juga menemu bual pengunjung yang terdiri daripada orang awam, Dayang Viven Then Fong, seorang guru dan adiknya Wendy Then Wee Jin yang berkunjung ke perpustakaan Seria pada musim cuti sekolah hanya merujuk informasi melalui penggunaan internet, di samping mengambil kesempatan membaca sebagai aktiviti berkala bagi mengisi masa lapang.

Perpustakaan Seria menjalankan aktiviti cuti penggal pertama cuma selama lebih kurang seminggu sahaja, selebihnya perpustakaan akan berjalan seperti biasa, ini kerana memberi peluang kepada ibu bapa dan para remaja untuk membuat persediaan bagi musim persekolahan minggu hadapan.



ANTARA pengunjung Perpustakaan Seria yang menyertai aktiviti yang diungkayahkan oleh Perpustakaan DBP Cawangan Seria.

# Kebakaran di tapak pembuangan tiada korban jiwa dilaporkan

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Jabatan Bomba dan Penyelamat**

**MUARA**, Jumaat, 31 Mac. - Satu kejadian kebakaran yang berlaku kelmarin di tapak pembuangan kereta dan besi di Simpang 287, Kampung Serasa di kawasan Syarikat Daikyo Enviroment Recycling Sdn. Bhd. berjaya dikawal daripada merebak.

Setelah menerima panggilan pada jam 12.59 tengah hari kelmarin, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) dengan dianggotai oleh seramai 37 anggota bomba dikerahkan ke tempat kejadian yang diketuai oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Operasi 'A' SFR Pengiran Azizul Rahman bin Pengiran Haji Yusop.

Sebanyak lapan buah balai dan 10 jentera terlibat dalam operasi berkenaan iaitu dari Balai Bomba Bandar Seri Begawan, Balai Bomba Muara, Balai Bomba Mentiri, Balai Bomba Berakas, Balai Bomba Rimba, Balai Bomba Lambak Kanan, Balai Bomba Beribi dan Unit Operasi Wanita.

Menurut Siaran Akhbar JBP, anggota bomba yang bertugas mendapati api besar membakar tapak pembuangan kereta terpakai, besi buruk dan bahan-bahan logam termasuk gas *cylinder* lama yang mengakibatkan letupan-letupan kecil dan bahan-bahan mudah terbakar pada keluasan 2 hektar.

Anggota bomba bertindak menggunakan air terbuka daripada luagan kecil dengan menggunakan pam bagi memadamkan kebakaran dan juga dibahagikan kepada empat sektor bagi memudahkan cara pemadaman kebakaran tersebut dengan menggunakan *foam*.

Sementara itu, *fire break* dibuat dengan menggunakan dua buah jentera berat syarikat berkenaan dan mengasingkan / meleraikan longgokan daripada merebak.

Pada jam 11.57 pagi 31 Mac 2017, anggota bomba berjaya mengawal kebakaran daripada melarat dan asap tebal berkurangan dan sentiasa bertukar arah pada hala angin yang sentiasa berubah.

Tindakan seterusnya adalah memadam bara api di bahagian lapisan bawah longgokan besi di mana tapak berkenaan mempunyai lapan orang pekerja asing.

Menurut laporan JBP, tiada korban jiwa berlaku dan punca masih dalam penyiasatan.

Dalam hubungan itu, JBP menyarankan orang awam supaya tidak membuat sebarang pembakaran terbuka yang boleh menjejaskan operasi JBP dan orang awam yang memerlukan perkhidmatan.

Jabatan berkenaan juga menasihatkan orang awam dan pemilik premis supaya sentiasa mengambil berat akan aspek keselamatan seperti pagar, akses masuk dan keluar bagi memudahkan anggota dan jentera bomba, pemecah kebakaran (*fire break*) bertindak memadam kebakaran.



KEJADIAN kebakaran yang berlaku di tapak pembuangan kereta dan besi di Simpang 287, Kampung Serasa berjaya dikawal oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat daripada merebak.

# Ketahui lebih lanjut Program Perantisan i-Ready

**Siaran Akhbar :**
**Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 30 Mac. - JobCentre Brunei (JCB) mempelawa semua syarikat dan graduan (pemegang ijazah dan ke atas) untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Program Perantisan i-Ready dengan menghadiri sesi taklimat di JCB, Beribi, di sini.

Sesi terbuka akan diadakan bermula pada April 2017 di JCB.

Pada bulan April, sesi terbuka bagi syarikat adalah setiap Rabu dan Jumaat jam 2.30 petang hingga 4.00 petang, manakala sesi terbuka untuk graduan adalah setiap Isnin dan Selasa jam 9.00 pagi hingga 10.00 pagi dan 10.30 pagi hingga 11.30 pagi.

Semasa sesi tersebut, syarikat - syarikat dan para graduan akan dikongsikan mengenai ciri-ciri Program i-Ready termasuk proses permohonan, kelayakan juga objektif yang ingin dicapai.

Ia juga adalah satu peluang terbuka untuk syarikat-syarikat dan graduan untuk bertanya soalan atau mendapatkan penjelasan lanjut atau bantuan secara langsung daripada wakil MPPU.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri (EIDPMO) itu, Program Perantisan i-Ready telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa pembukaan Majlis Mesyuarat Negara Ke-13 pada 6 Mac 2017.

Objektif utama program itu adalah untuk meningkatkan kebolehpasaran dan peluang pekerjaan kepada siswazah yang menganggur (Ijazah, Sarjana dan Ph.D) melalui penempatan tiga tahun sebagai pelatih di organisasi yang mengambil bahagian.

Sepanjang tiga tahun, setiap pelatih akan diberikan elaun sebanyak BND800 oleh kerajaan dan pada masa yang sama mereka juga akan dilatih dan dibimbing oleh pelatih yang dikenal pasti dan mentor dalam organisasi.

Pemohon warganegara atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dengan kelayakan Ijazah, Sarjana atau Ph.D dan kini menganggur adalah dialu-alukan untuk memohon untuk program ini.

Secara umumnya, proses permohonan untuk mencari kerja adalah seperti berikut : semua pemohon yang berminat perlu mendaftar diri mereka dalam JCB melalui portal *www.jobcentre brunei.gov.bn,* di mana mereka akan dapat menyertakan profil peribadi mereka, memuat naik CV dan dokumen yang berkaitan.

Setelah mendaftar, pemohon akan dapat mencari pekerjaan yang tersenarai di i-Ready yang disiarkan di portal dan mereka boleh memohon jawatan yang mereka minati.

Seterusnya, pemohon akan melalui proses pemilihan dan disenarai pendek, pemohon akan ditemu duga oleh organisasi dan MPPU, jika temu duga berjaya, kumpulan pertama penempatan dalam organisasi tersebut akan bermula seawal 1 April 2017.

Mana-mana organisasi atau syarikat yang berminat untuk ikut serta dalam program perantisan ini juga mestilah mendaftar ke JCB dan dikehendaki untuk mengemukakan borang permohonan i-Ready yang boleh didapati di laman sesawang EIDPMO.

Borang permohonan yang lengkap boleh dikemukakan ke MPPU melalui e-mel *mppu@jpm.gov.bn.*

Sebaik sahaja MPPU menerima borang, jawatan yang diluluskan akan dipaparkan di laman sesawang, semua butiran pemohon yang disenarai pendek akan dihantar kepada organisasi untuk melalui proses pemilihan dan kemudian sesi temu duga akan diatur serta perantis yang layak akan ditugaskan di dalam organisasi tersebut.

Untuk maklumat lanjut, pencari kerja tempatan dan orang ramai secara umum boleh menghubungi JCB secara langsung dengan menghubungi +673 2444123 atau e-mel di *mppu@jpm.gov.bn* pencari kerja tempatan juga dialu-alukan untuk datang ke JCB di Bangunan Bekas BINA, KM 8, Jalan Perindustrian Kampung Beribi, dari Isnin hingga Sabtu, jam 7.45 pagi hingga 4.30 petang.

# Penggemar IT banyak pengaruhi keluarga

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 29 Mac. - Dalam sama-sama menyemarakkan dan memeriahkan lagi Seminar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Pusat Kajian Fiqh al-Usrah megadakan Nadwah al-Usrah.

Pada majlis itu, Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar hadir di majlis yang berlangsung di Dewan Tarbiyah, kolej berkenaan, di sini.

Tajuk nadwah yang dibincangkan ialah mengenai 'Isu dan Cabaran Pendidikan Keluarga Era IT' yang disampaikan oleh dua ahli panel terdiri daripada Penolong Kanan Profesor, Fakulti Syariah KUPU SB, Dr. Abdul Rauf bin Mohd. Amin dan Profesor Madya Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Profesor Madya Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail yang dipengerusikan oleh Alumni KUPU SB, Awang Haji Mohd. Jaya bin Haji Metussin.



PEMANGKU Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji Adanan bin Haji Basar (kanan) semasa hadir pada majlis Nadwah al-Usrah sempena Seminar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2017 di Dewan Tarbiyah, KUPU SB.



AHLI panel Nadwah al-Usrah sempena Seminar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah, KUPU SB terdiri daripada Profesor Madya Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail (kiri); Penolong Kanan Profesor, Fakulti Syariah KUPU SB, Dr. Abdul Rauf bin Mohd. Amin (kanan) dan dipengerusikan oleh Alumni KUPU SB, Awang Haji Mohd. Jaya bin Haji Metussin (tengah).

Dr. Abdul Rauf antara lain mengetengahkan bentuk-bentuk cabaran keluarga Muslim dalam kontek IT, di mana ia dikategorikan dalam faktor dalaman dan luaran.

Katanya, cabaran yang paling besar dalam faktor dalaman ialah IT yang banyak mengubah keluarga.

Menurutnya, IT membawa projek globalisasi dan modernisasi ke arah satu kehidupan keluarga Muslim.

Sementara itu, Profesor Madya Dr. Sharifah Hayaati menerangkan tentang penggemar IT banyak mempengaruhi keluarga.

Beliau menjelaskan, IT menjadi darah daging yang tidak dapat dipisahkan dan tidak dapat dielakkan.

Nadwah tersebut diharap akan memberikan penjelasan kepada masyarakat mengenai pendidikan kekeluargaan termasuk cabaran-cabaran dalam menjalani hidup berkeluarga yang semakin mencengkam dewasa ini.

Ia juga sebagai platform bagi penyebaran ilmu dan perkongsian maklumat serta pengalaman berkaitan dengan isu-isu kekeluargaan di Negara Brunei Darussalam sekali gus menjadi wadah dalam menanai objektif Pusat Kajian Fiqh al-Usrah untuk menjadi pusat kajian dan penyelidikan ilmiah berhubung dengan Fiqh al-Usrah di peringkat kebangsaan serta antarabangsa bagi keperluan agama, masyarakat dan negara.





NADWAH al-Usrah dihadiri sama oleh mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB dan orang ramai.

# Aktiviti perpustakaan dapat sambutan menggalakkan



ANTARA aktiviti yang disertai oleh pengunjung kanak-kanak.

**Berita dan Foto : Noraisah Muhammed**

**KUALA BELAIT,** Rabu, 29 Mac. - Musim cuti sekolah merupakan saat yang dinanti oleh anak-anak, di mana menjadi tanggungjawab dan peranan ibu bapa bagi mengisi masa lapang anak-anak dengan perkara yang bermanfaat bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam pelbagai ilmu melalui pembacaan.

Sehubungan itu, Perpustakaan Kampung Pandan, Kuala Belait memulakan aktiviti dengan menjadualkan pelbagai program termasuk mewarna bagi kanak-kanak dan meneka gambar serta lain-lain.

Aktiviti perpustakaan diadakan pada setiap musim cuti sekolah dijalankan kecuali pada Jumaat dan Ahad, namun tetap dibuka untuk kunjungan orang awam dan ditutup sementara semasa Sembahyang Jumaat.

Pelita Brunei menemu bual Pembantu Perpustakaan Tingkat I, Dayang Zaitun binti Haji Napi berkata, aktiviti musim cuti sekolah dijalankan seperti biasa dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari peringkat kanak-kanak, remaja, belia dan orang ramai.

"Bila tiba musim cuti sekolah, perpustakaan menganjurkan pelbagai aktiviti dan perlu dimanfaat sebaiknya terutama bagi anak-anak yang bakal menghadapi peperiksaan untuk mengulangkaji secara ringkas agar mereka tidak lupa apa yang telah mereka belajar dan mampu berdisiplin menguruskan diri ketika waktu lapang," jelas beliau.

Selain menjalankan aktiviti musim cuti sekolah, Perpustakaan Kampung Pandan juga menyediakan satu sudut untuk kanak-kanak yang masih kecil untuk mengenal huruf dan nombor sambil diawasi oleh ibu bapa mereka bagi menerapkan amalan membaca di perpustakaan untuk membantu anak-anak mereka menguasai kemahiran dari usia kecil.

**Nama Penghutang** - Haji Abdul Khani Haji Abd. Kadir (No. 00-048843). **Alamat** - No. 780, Kg. Luagan Dudok, Tutong TB1541, Brunei Darussalam. **Mahkamah** - Mahkamah Besar, Negara Brunei Negara Darussalam. **Nombor** - Kebankrapan No. 474 - 2015. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** - 80 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya** - Pertama. **Bila dibayar** - 2 Februari 2017. **Di mana kena bayar** - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**2 Februari 2017.**

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar.**

# Jabatan Penjara anjurkan ekspo pameran dan jualan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Jabatan Penjara




**PEMANGKU Pengarah Penjara, Awang Haji Ismail bin Haji Murat merasmikan Ekspo Pameran dan Jualan Produk Jabatan Penjara Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-63 Tahun.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 31 Mac. - Jabatan Penjara menganjurkan Ekspo Pameran dan Jualan Produk Jabatan Penjara Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-63 Tahun yang diadakan selama tiga hari bermula 31 Mac sehingga 2 April 2017, bertempat di Giant Hypermart Tasek Rimba.

Ekspo pameran dan jualan tersebut dirasmikan oleh Pemangku Pengarah Penjara, Awang Haji Ismail bin Haji Murat.

Di bawah seliaan Jabatan Penjara, beberapa petak jualan disertai oleh institusi-institusi penjara, iaitu Penjara Jerudong, Penjara Maraburong dan Penjara Wanita termasuk petak jualan yang disediakan kepada rakan seliaan.

Ekspo berkenaan antara lain bertujuan mengetengahkan dan memperlihatkan kepada masyarakat hasil kerja tangan penghuni-penghuni Penjara Lelaki dan Wanita.

Antara jenis-jenis jualan perabot adalah seperti meja seterika, meja kopi, rehal, meja serbaguna dan juga hasil seni kreatif seperti khat tulisan Jawi bagi perhiasan dinding rumah.

Manakala Penjara Maraburong pula menjual barang-barang kimpalan seperti set penyalaian, penyadai baju, meja seterika dan sebagainya dan bagi Penjara Wanita pula menawarkan jualan seperti tudung, songkok dan sebagainya.

Jabatan Penjara akan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan keberkesanan program pemulihan selaras dengan visi dan misi Jabatan Penjara ke arah Perancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri 2005 - 2035, iaitu menyediakan secara berterusan program-program pembentukan akhlak pemulihan yang sempurna supaya penghuni insaf dan kembali ke pangkuan masyarakat berilmu, berakhlak dan beragama.



**ANTARA hasil kraf tangan yang dijual termasuk meja seterika, meja kopi, rehal, meja serbaguna dan juga hasil seni kreatif seperti khat tulisan Jawi bagi perhiasan dinding rumah (kiri).**



**PEMANGKU Pengarah Penjara, Awang Haji Ismail menyaksikan hasil kerja tangan para penghuni penjara.**

# Makmal-makmal makanan kerajaan disatukan mula 1 April 2017

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 31 Mac. - Bermula 1 April 2017, makmal-makmal makanan kerajaan di Negara Brunei Darussalam akan disatukan di bawah Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan.

Makmal-makmal yang terlibat adalah :

1) Makmal Sains Halal dan Makmal Standard Sukatan, Pusat Sains Halal dan Metrologi, Bahagian Pembangunan Industri Global Halal, Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri (JPM);

2) Unit Perkhidmatan Makmal Mikrobiologi Agrimakanan dan Unit Perkhidmatan Makmal Kimia Agrimakanan, Bahagian Industri Agrimakanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP);

3) Makmal Mikrobiologi, Makmal Kimia dan Makmal Racun Kimia, Bahagian Keselamatan Agrimakanan, KSSUP; dan

4) Bahagian Keselamatan Makanan, Perkhidmatan Makmal Saintifik, Perkhidmatan Makmal dan Bahagian Mikrobiologi, Perkhidmatan Makmal Saintifik, Perkhidmatan Makmal Kementerian Kesihatan.

Orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan analisis makanan hendaklah menghantar sampel ke Perkhidmatan Makmal Saintifik, Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

Waktu penerimaan dan pembayaran sampel di kaunter adalah pada setiap hari Isnin hingga hari Khamis pada pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.45 petang hingga 3.00 petang.

Manakala pada hari Sabtu, waktu penerimaan dan pembayaran adalah pada pukul 8.00 pagi hingga 10.30 pagi.

Inisiatif penyepaduan makmal-makmal makanan ini adalah bagi memudahkan orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan analisis makanan yang berpusat di satu tempat (*centralised*).

Di samping itu juga adalah untuk memantapkan kualiti perkhidmatan yang terdapat pada ketiga-tiga kementerian yang dinyatakan di atas melalui langkah penyepaduan serta pengukuhan perkhidmatan, kepakaran penganalisa makanan, kemudahan dan infrastruktur yang sedia ada, serta mengurangkan pembaziran (*wastages*). Inisiatif ini juga bertujuan membantu dan mendukung pembangunan industri makanan di Negara Brunei Darussalam.

Dua sesi taklimat bersama pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi membarigakan penyepaduan makmal-makamal makanan ini serta tatacara penggunaan perkhidmatan telah diadakan di Kementerian Kesihatan pada hari Selasa, 7 Mac 2017 dan Khamis, 30 Mac 2017 yang lalu.

Sesi-sesi taklimat ini yang dikendalikan secara bersama oleh Jabatan Tenaga dan Perindustrian, JPM; KSSUP; dan Kementerian Kesihatan telah dihadiri oleh lebih kurang 90 orang yang terdiri daripada pengguna-pengguna perkhidmatan analisis makanan dari pihak kerajaan serta pihak swasta dan persendirian dari sektor industri makanan.

Sesi-sesi taklimat ini diharapkan akan dapat meningkatkan kefahaman dan memudahkan lagi semua pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan perkhidmatan analisis makanan yang berpusat ini, di samping mengutarakan kepentingan isu-isu penjagaan keselamatan makanan di setiap peringkat.



**SESI taklimat bersama pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) bagi membarigakan penyepaduan makmal-makmal makanan serta tatacara penggunaan perkhidmatan telah diadakan di Kementerian Kesihatan pada hari Selasa, 7 Mac 2017 dan Khamis, 30 Mac 2017 lalu.**

Dengan demikian, ia akan dapat memperkukuhkan lagi usaha penjagaan kesihatan di negara ini bersama semua pihak berkepentingan, selaras dengan salah satu keutamaan strategik Kementerian Kesihatan iaitu menerapkan bahawa kesihatan adalah tanggungjawab semua (*health is everyone's business*).

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai penyepaduan tersebut, orang ramai bolehlah menghubungi talian 2382424 ext 7744/7745/7737 atau melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan *www.moh.gov.bn*.

Orang ramai juga boleh menghubungi Talian Darussalam 123 bagi sebarang pertanyaan yang berkaitan.



PENGARAH Pusat Pengangkutan (CfTR), Dr. Tan Soon Jian, selaku Ketua Bersama Jawatankuasa Seminar semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

# Seminar beri inspirasi kepada pencipta

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

**TUNGKU LINK,** Khamis, 30 Mac. - Seminar bersempena Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2017 bertujuan untuk memberi inspirasi kepada semua pencipta dan menggalakkan para pencipta ke arah pembangunan serta ciptaan berpotensi untuk dikomersialkan.

Selain itu, seminar bertemakan 'Inovasi Ke Arah Ekonomi Mapan' anjuran Universiti Teknologi Brunei (UTB) itu adalah untuk mempromosikan Pertandingan Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota yang berprestij.

Sebanyak tiga pembentangan disampaikan pada seminar tersebut yang disampaikan oleh Profesor Madya Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Malaya, Malaysia, Profesor Madya Dr. Chong Wen Tong; Pensyarah di Kejuruteraan Petroleum, UTB, Profesor Stephen Tyson dan Pensyarah Kejuruteraan Elektrikal di Universiti Malaya, Malaysia, Profesor Dr. Mahmoud Moghavvemi yang berlangsung di Dewan Kuliah 2, UTB.

Pembentangan pertama bertajuk 'Inovasi Hijau dalam Reka Bentuk Produk dan Penyelidikan' yang disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Chong Wen Tong antara lain memperkenalkan reka bentuk inovasi hijau sebagai kaedah reka bentuk baharu yang diterima secara meluas oleh negara-negara membangun di Barat.

Reka bentuknya, jelas beliau, menggunakan sepenuhnya sumber-sumber termasuk sumber tenaga yang boleh diperbaharui (*renewable energy*) dan menggunakan sumber tenaga yang sedikit sepanjang kitaran hayatnya.

Sementara itu, pembentangan kedua disampaikan oleh Profesor Stephen Tyson bertajuk '30 Tahun Inovasi dalam Industri Petroleum - Ke mana hala tuju kita?', di mana beliau mempunyai pengalaman selama 30 tahun bekerja dalam industri minyak dan gas.

Semasa menyampaikan pembentangannya, Profesor Stephen Tyson menyentuh mengenai beberapa perubahan dalam industri petroleum sejak 30 tahun lalu dan implikasinya terhadap pelajar-pelajar kejuruteraan.

Beliau turut mengongsikan mengenai inovasi masa depan dalam industri tersebut dan menyarankan jurang kemahiran serta peluang-peluang pekerjaan.

Manakala Profesor Dr. Mahmoud Moghavvemi yang membawakan tajuk 'Our Humble Journey Towards Innovation' menerangkan perbezaan di antara ciptaan dan inovasi, di mana ciptaan adalah idea untuk produk baharu dan inovasi adalah penyelesaian kreatif untuk melaksanakannya ke dalam amalan, iaitu proses mengubah idea-idea baharu ke dalam produk dan perkhidmatan baharu ke arah meningkatkan kehidupan rakyat.

Beliau turut berkongsi mengenai pengalaman penyelidikan, ciptaan lalu dan projek yang sedang dilaksanakannya ketika ini di Pusat Penyelidikan Gunaan Elektronik (CRAE), Universiti Malaya.

Kesemua ahli pembentang tersebut juga merupakan panel hakim pada peringkat pembentang peserta dan penilaian hakim bagi Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2017 yang telah diadakan pada 28 dan 29 Mac di UTB.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluan Pengarah Pusat Pengangkutan (CfTR), Dr. Tan Soon Jian, selaku Ketua Bersama Jawatankuasa Seminar menjelaskan, bersempena Pertandingan CIPTA tahun ini, pihak UTB akan menganjurkan beberapa siri seminar bagi menyokong para peserta pertandingan dan pihak-pihak berkepentingan yang lain.

Antara tujuan seminar adalah untuk memberi inspirasi kepada semua pencipta dan menggalakkan para pencipta ke arah pembangunan dan ciptaan berpotensi untuk dikomersialkan, selain untuk mempromosikan Pertandingan Anugerah CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota yang berprestij ini.



SEBAHAGIAN daripada hadir pada Seminar bersempena Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2017.

# Projek memindah kenderaan terbiar bermula 6 April 2017

Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 29 Mac. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan syarikat-syarikat pelupusan kenderaan (*vehicle scrap companies*) di negara ini, akan mula melaksanakan projek menangani isu kenderaan terbiar seluruh negara kearah kebersihan alam sekitar dan pembatalan kenderaan berkenaan (*nationwide environment clean-up project on abandoned vehicles leading to the deregistration of vehicles*) bermula pada 6 April 2017.

Projek yang dilaratkan ke seluruh negara ini adalah hasil dari perbincangan dan penelitian agensi-agensi berkenaan dengan mengambil kira tindakan-tindakan yang telah dibuat sebelum ini dari setiap agensi yang terlibat dan aduan-aduan dari orang ramai mengenai kenderaan-kenderaan terbiar di kawasan-kawasan awam seperti di tepi jalanraya, kawasan letak kereta, bengkel-bengkel kenderaan seluruh negara dan mana-mana kawasan hasil aduan orang ramai.

Kenderaan terbiar ini telah mendatangkan beberapa masalah seperti menyukarkan orang awam untuk meletakkan kenderaan mereka di kawasan letak kereta serta menjejaskan pandangan dan mencemarkan alam sekitar.

Orang ramai khususnya pemilik-pemilik yang meninggalkan kenderaan mereka terbiar di tempat awam adalah dengan ini diperingatkan dan diarahkan supaya memindahkan kenderaan tersebut sebelum 6 April 2017.

Dalam pada itu, beberapa perkara perlu diambil perhatian iaitu kenderaan yang tidak dipindah selepas tarikh berkenaan akan ditarik atau dipindahkan oleh syarikat-syarikat pelupusan ke satu tempat yang ditentukan oleh syarikat-syarikat.

Pemilik yang ingin menuntut kenderaan tersebut setelah kenderaan itu ditarik, hendaklah menghubungi JPD di semua cawangan JPD seluruh negara untuk proses tuntutan.

Sebarang kos tuntutan termasuk kos penarikan adalah tanggungjawab pemilik dan hendaklah dibayar terus kepada syarikat-syarikat yang berkenaan.

Jika kenderaan tersebut tidak dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan selepas 6 April atau tarikh-tarikh kenderaan itu dijumpai ditinggalkan mengikut akta dan peraturan yang sedia ada di mana kenderaan tersebut akan disita dan dilelong atau dilupuskan dan dibatalkan pendaftarannya dari Sistem Pengangkutan Darat (SPD).

Ke arah menangani isu-isu ini dan juga untuk memastikan tindakan-tindakan bersesuaian mengikut akta dan peraturan yang sedia ada, satu Jawatankuasa Bertindak (Taskforce) telah ditubuhkan.

Jawatankuasa ini akan mengambil tindakan yang bersesuaian berpandukan kepada bidang tugas dan kawal selia kawasan di bawah tadahan agensi-agensi berkenaan. Melalui jawatankuasa ini, tindakan yang sebelum ini dibuat secara berasingan oleh agensi-agensi berkenaan kini diselaraskan mengikut prosedur dan proses yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama.

Dalam penelitian JPD sebelum ini iaitu pada tahun 2015 sebanyak 387,817 jumlah kenderaan yang berdaftar dalam SPD, sementara kenderaan yang aktif dilesenkan hanya berjumlah lebih kurang 306,510 buah sahaja.

Ini bermakna, sejumlah kira-kira 81,307 kenderaan di luar sana yang tidak dilesenkan atau terbiar atau yang mungkin sudah dilupuskan oleh orang ramai melalui syarikat-syarikat pelupusan tanpa melaporkan ke JPD.

# Penutupan sementara Galeri Pameran Sejarah dan Perlembagaan Negara Brunei

Siaran Akhbar : Jabatan Muzium-Muzium

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 30 Mac. - Jabatan Muzium-Muzium ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Galeri Pameran Sejarah dan Perlembagaan Negara Brunei, Bangunan Alat Kebesaran Diraja akan ditutup sementara bermula pada 1 April 2017 sehingga tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Penutupan ini disebabkan oleh kerja-kerja pembaikan yang akan dilakukan di dalam galeri pameran tersebut.

Galeri tersebut akan dibukakan kembali apabila kerja-kerja pembaikan selesai, manakala galeri-galeri, yang lain di dalam bangunan tersebut beroperasi seperti biasa untuk kunjungan pelawat.

# Makluman penutupan kaunter pembayaran bil air

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 30 Mac. - Jabatan Kerja Raya melalui Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai penutupan kaunter pembayaran bil air di Jabatan Perkhidmatan Air, Tasek Lama dan Cawangan Jabatan Perkhidmatan Air, Jerudong.

Penutupan ini bermula pada 30 Mac 2017 (Khamis), jam 12.00 tengah hari dan tidak akan beroperasi pada 31 Mac 2017 (Jumaat).

Penutupan kaunter pembayaran bil air ini adalah disebabkan oleh penutupan kiraan akhir tahun kewangan.

Jabatan Kerja Raya dengan ini memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

Sebarang aduan, orang ramai bolehlah menghubungi pihak jabatan ini melalui Talian Darussalam : 123 / Live Chat Channel 123 (+673 8333123), Facebook : *Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam* dan e-mel *pro@pwd.gov.bn*.

# Kampung Putat hasilkan pelbagai produk

Rencana : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Noriah Haji Abdul Hamid



PEMANDANGAN di Taman Herba yang mempunyai lebih 60 spesies herba.

**Kenali Negara Kitani**

SEPANJANG perjalanan lebih kurang 45 minit dari Bandar Seri Begawan, sampailah ke destinasi yang dituju, iaitu Kampung Putat, Mukim Lumapas, kampung yang aman dan tenteram, jauh daripada kesibukan hiruk-pikuk pembangunan dan pencemaran alam dan memang terkenal dengan taman herbanya.

Kawasan taman herba hanya beberapa meter sebelum sampai ke kawasan sungai. Suasana sekitar kampung yang menghijau dengan tumbuhan asli sangat sesuai untuk beriadah.

Taman Rekreasi Herba Kampung Putat mula beroperasi pada bulan Mac 2010 telah diusahakan oleh Majlis Perundingan Kampung Putat dan semua penduduk secara bergotong-royong adalah salah satu tempat riadah yang paling menarik untuk dikunjungi. Pelbagai jenis pokok herba tumbuh menghijau di taman tersebut.

Taman yang dihiasi dengan pondok tempat duduk dan tempat penyalaian ikan dan ayam, denai bersemen, bangku serta kemudahan yang lain sudah disediakan untuk para pengunjung. Kesejukan hawa yang dirembuni pepohon menghijau beserta deretan pokok-pokok herba menghiasi alam menambahkan lagi kesegaran taman ini dengan air hujan sebagai penyubur tanah dan menggilap kesegaran dedaun herba.

Projek utama Taman Herba Kampung Putat antaranya adalah untuk : Memupuk kerjasama dalam kalangan penduduk-penduduk Kampung Putat, Memperkenalkan herba-herba yang terdapat di kampung ini serta kegunaanya sebagai perubatan tradisional, Mengekalkan herba-herba supaya tidak pupus.

Sebagai satu kajian untuk penduduk kampung dan juga masyarakat umumnya terutama sekali institusi pengajian tinggi menanamkan kesedaran dalam kalangan masyarakat betapa pentingnya biodiversiti.

Sebagai tempat riadah dan sebagai satu tarikan dan menjadi ekopelancongan.

Pada masa ini, terdapat lebih 60 spesies herba yang sudah ditanam di taman ini yang datangnya dari pelbagai daerah dan luar negeri. Taman ini menyediakan beberapa kemudahan seperti pondok berehat, tempat penyalaian, trek joging dan memiliki alat terapi yang berguna untuk kesihatan kaki awda.

Daripada namanya juga awda dapat mengetahui bahawa taman ini memiliki pelbagai tumbuhan herba yang banyak memberikan pengetahuan dan khasiat yang berguna bagi para pengamal perubatan kampung dan tradisi, kita jua akan dapat mengenali nama dan jenis-jenis pohon herba yang didapati di tempat ini.

**SUMBER PENDAPATAN**

Di samping digunakan sebagai kawasan bersukan dan beriadah ia juga sebagai tempat mempelajari dan membuat kajian tentang kepelbagaian jenis herba dan kegunaannya di taman ini.

Semangat dan keyakinan yang dapat dilihat menerusi inisiatif Kampung Putat membina dan mengembangkan Taman Rekreasi Herba sejak ditubuhkan hampir tujuh tahun lalu telah menarik ramai pengunjung sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Beberapa antara hasil produk keluaran kampung termasuk penanaman pokok-pokok herba yang antaranya terdiri dari Pelibas Putih, Pelibas Kuning, Kunyit Hitam, Tongkat Ali, Ambuk Sikubang dan bermacam lagi jenis tanaman herba yang dihasilkan di kampung berkenaan. Pelibas Kuning atau Putih yang digunakan untuk menawar keracunan makanan dan penyakit uri juga ditanam. Selain itu, penghasilan pelbagai jenis minyak herba seperti Minyak Bidara, Minyak Kunyit Hitam, Minyak Sirih Merah dan pelbagai lagi jenis minyak yang terdiri dari tanaman herba.

Kita amat kagum dengan semangat usaha penduduk-penduduk dalam bidang seni kreatif juga menyediakan kuih-muih yang mampu menjadi sumber pendapatan, dan ruang untuk meningkatkan lagi produk-produk kampung ini supaya ia dapat dimajukan lagi bagi menembusi pasaran negara dalam dan luar negara.

**MENGEKALKAN**

Apa yang membanggakan penduduk-penduduknya yang dipimpin oleh Ketua Kampungnya, Awang Haji Jumat bin Akim, dapat mengekalkan hubungan kekeluargaan yang tulen yang sudah sekian lama terjalin dalam semua peringkat usia, di samping kerjasama gotong-royong, bantu-membantu di antara satu dengan yang lain sudah sememangnya menjadi keutamaan dalam hidup bermasyarakat di Kampung Putat.



PELBAGAI jenis kraf tangan seperti Takiding dan Nyiru dihasilkan oleh penduduk Kampung Putat.





PRODUK-PRODUK dari jenis kayu yang diperolehi dari Taman Herba Kampung Putat berjaya dihasilkan terdiri daripada sudu dan gagawi (kiri), manakala salok-salokan digunakan sebagai permainan tradisi (kanan).



SALAH satu jenis daun dipanggil buas-buas panalan (sinaran bulan) dapat menyembuhkan pelbagai penyakit seperti kanser.



KAUM wanita juga aktif membuat kuih-muih untuk sumber pendapatan.

# 65 tahun Penubuhan Jabatan Penerangan

Rencana dan Foto :
Norliah Md. Zain

TANGGAL 1 April maka genaplah 65 tahun usia Jabatan Penerangan. Pada meniti usia itu, pelbagai cabaran yang diharungi agar jabatan ini dapat menanai tugas dan tanggungjawab menyebarkan maklumat yang sahih, berkualiti, cepat, tepat dan berwibawa untuk mencemerlangkan imej raja, negara dan kerajaan.

Mula dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan Brunei, langkah awal penubuhannya antara lain bertujuan bagi menyesuaikan kehendak semasa kerajaan yang memikirkan bahawa sudah tiba masanya bagi sebuah institusi menyebarkan maklumat ditubuhkan.

Sepanjang 65 tahun itu, Jabatan Penerangan telah melalui pelbagai perubahan baik dari segi infrastruktur mahupun strategi kerja sesuai dengan keadaan semasa.

Peranan Jabatan Penerangan adalah sebagai *lidah* dan *telinga* kerajaan dalam menyampaikan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan; mendengar isu-isu dan *concerns* orang ramai dan memahami agenda media massa; memupuk dan memelihara semangat cintakan raja dan negara; menjaga imej raja, negara dan kerajaan; mengendali pengurusan dan hal ehwal hubungan dengan media dan mengendali aktiviti publisiti dan promosi bagi acara-acara kebesaran.

**Strategi Kerja**

Sesuai dengan tujuan penubuhannya sebagai sebuah institusi menyebarkan maklumat, strategi bagi menyampaikan maklumat yang digunakan oleh jabatan juga terus maju ke hadapan selaras dengan keperluan semasa demi menyampaikan dasar dan maksud kerajaan untuk memelihara perpaduan dalam kehidupan bermasyarakat ke arah cintakan agama, bangsa, raja dan negara. Ia juga dihasratkan dapat memupuk semangat kekitaan dan tanggungjawab terhadap negara serta menyemai hubungan yang erat antara kerajaan dengan rakyat.

Pada masa ini, strategi kerja Jabatan Penerangan adalah melalui tiga pendekatan iaitu Media Cetak, Komunikasi Bersemuka dan Media Baharu.

**Media Cetak**

Terdapat dua bahasa digunakan bagi penerbitan media cetak jabatan ini, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Antara media cetak terbitan Jabatan Penerangan ialah akhbar rasmi kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Pelita Brunei, Brunei Darussalam Newsletter, Brunei in Seconds, Traditional Handicraft of Brunei Darussalam dan sebagainya. Di samping akhbar, surat berita dan buku-buku, jabatan ini juga aktif menerbitkan poster-poster sama ada poster yang diterbitkan setiap tahun mahupun secara berkala.

Selain itu, terdapat juga pameran dan terbitan lain di bawah strategi ini antaranya MoU di antara Brunei - Thailand, MoU di antara Brunei - Malaysia, Semarak Pengibaran Bendera Sempena Hari Kebangsaan, Majlis Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan serta kalendar tahunan.

**Komunikasi Bersemuka**

Komunikasi bersemuka adalah salah satu strategi yang diharapkan dapat meningkatkan patriotisme, nasionalisme dan hubungan kemasyarakatan.

Bermula dari penubuhan bilik bacaan di Daerah Belait pada tahun 1954, Daerah Temburong pada tahun 1956, Daerah Tutong pada tahun 1957, program melalui strategi ini terus sahaja bertambah dari semasa ke semasa antaranya 'Personal Contact' mula dijalankan pada tahun 1956, Kursus Perkampungan Sivik mula dijalankan pada tahun 1976, PENTARAMA diperkenalkan pada tahun 1988 dan Jalinan Mesra Penerangan mula dijalankan pada tahun 1997.



PROGRAM Sua Muka masih lagi relevan yang mana program ini sudah bermula pada tahun 1956.

Terdapat juga beberapa program seperti Rakan Remaja Penerangan yang dimulakan pada tahun 2008, Program Ramadan Penerangan pada tahun 2009, Kuiz ASEAN dan Awasi Anak Kitani yang kedua-duanya bermula pada tahun 2013 dan Program Masyarakat Bermaklumat dijalankan pada tahun 2014.

Melalui strategi ini jelaslah peranan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat pada segenap lapisan masyarakat sama ada pada peringkat akar umbi mahupun golongan pelajar. Kesemua program-program ini terus sahaja berjalan dari semasa ke semasa malah kekerapannya juga semakin meningkat menunjukkan ia masih saja relevan sehingga kini walaupun sebahagian program sudah agak lama diperkenalkan.

**Media Baharu**

Dalam mengharungi era IT pula, Jabatan Penerangan tidak terkecuali menerima cabaran namun semua itu tidak mematahkan semangat untuk Jabatan Penerangan terus menyebarkan maklumat malah kewibawaan dalam menyampaikan maklumat yang sahih dan tepat tiada tandingannya. Ini membuatkan peranan jabatan ini terus relevan malah penyampaian terhadap maklumat yang sahih amat diperlukan pada era ini.

Dalam menyampaikan maklumat, jabatan ini juga mempunyai laman sesawang yang boleh dilayari melalui *www.information.gov.bn.* Selain itu, selaras dengan populariti media sosial ketika ini, jabatan ini juga menyalurkan maklumat melalui beberapa media sosial, iaitu akaun Facebook *Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri*, akaun Instagram *@infodept.bn* dan akaun Twitter *@infodept_bn* bermula pada tahun 2014.

Bagi berita-berita ehwal semasa tempatan yang terkini, orang ramai boleh mendapatkan maklumat mengenainya melalui perkhidmatan Pelita Online yang boleh dilayari pada laman sesawang *www.pelitabrunei.gov.bn* setiap hari. Perkhidmatan ini telah bermula pada 7 Julai 2008.

Akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei yang diterbitkan tiga kali seminggu juga tidak ketinggalan menempuh ke alam digital. Pelita Brunei versi digital e-Paper mula beroperasi pada 18 Jun 2016.

Antara ciri-ciri e-Paper Pelita Brunei ialah PDF boleh dimuat turun (dijadikan simpanan arkib, rujukan dan sebagainya dalam telefon pintar atau komputer). E-Paper ini juga boleh disaksikan secara *thumbnails* (boleh dilihat secara keseluruhan atau paparan kecil kesemua muka surat Pelita Brunei dengan nombor muka suratnya).

Tujuan e-Paper ini bukan sahaja untuk membantu orang ramai yang tidak memperoleh Pelita Brunei secara bercetak bahkan memudahkan mereka memperoleh maklumat dengan hanya di hujung jari sahaja.

**Penutup**

Dalam menanai tanggungjawab menyampaikan maklumat sahih kepada orang ramai, medium yang digunakan semakin lama semakin berkembang selaras dengan keperluan semasa. Selain meneruskan program-program yang sudah sekian lama dijalankan, jabatan ini juga terus meneroka program-program baharu bagi memastikan pendekatan maklumat terhadap orang ramai itu benar-benar sampai kepada segenap lapisan masyarakat. Sememangnya jabatan ini akan terus berazam untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada orang ramai selaras dengan visi jabatan, iaitu maklumat berkualiti dan kecemerlangan imej untuk mengukuhkan perpaduan bangsa dan kesejahteraan negara.

Untuk akhirnya sama-samalah kita renungkan titah Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien semasa meletakkan batu asas bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan Brunei pada 3 Jamadilakhir 1385 Hijrah bersamaan 29 September 1965 Masihi :

*"Jabatan Penyiaran dan Penerangan akan menyampaikan, menjelaskan, menghubungkan, menerangkan kepada rakyat dan penduduk dalam negeri ini hal ehwal negara seberapa dapat yang boleh supaya dapat mereka memahami maksud kerajaan yang mana perkara ini akan mendatangkan kebajikan, kebahagiaan kepada kerajaan laila negara dan juga kepada mereka sendiri."*




PROGRAM Rakan Remaja Penerangan bermula pada tahun 2008.



KUIZ ASEAN antara acara bertaraf serantau dikendalikan di jabatan ini bermula 2013.



SEBAHAGIAN media cetak terbitan Jabatan Penerangan.

# DBM tambah pingat emas melalui sepak takraw



PERLAWANAN akhir Inter Regu dalam acara sukan sepak takraw, Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam Ke-3 antara pasukan Daerah Brunei dan Muara menentang pasukan MS ABDB.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin (depan, lima dari kiri) semasa bergambar ramai bersama para pemenang.

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Mahirah Haji Mohd. Raduan**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 29 Mac. - Pasukan Daerah Brunei dan Muara (DBM) berjaya merangkul pingat emas setelah menewaskan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) bagi Kategori Inter Regu dalam acara sukan sepak takraw pada perlawanan peringkat akhir Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-3 2017 yang berlangsung di Kompleks Sukan Menglait, Gadong.

Dengan keputusan tersebut, MS ABDB meraih pingat perak manakala, Pasukan Daerah Temburong dan Pasukan Sekolah Sukan masing-masing mendapat pingat gangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian pingat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Sementara itu, bagi Kategori Quad pula, pingat emas juga diraih oleh Pasukan DBM setelah mengalahkan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) yang mendapat pingat perak, dan Pasukan Sekolah Sukan dan MS ABDB masing-masing mendapat pingat gangsa.

Acara tersebut dikendalikan oleh Persatuan Sepak Takraw Negara Brunei Darussalam.

## Tidak ada kecederaan akibat kejadian surambi roboh

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 30 Mac. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) telah mengambil maklum mengenai dengan video yang disebarluaskan di media sosial, yang mana melibatkan pantaran rumah (surambi) roboh di sebuah rumah di Kampung Setia 'B' pada malam Sabtu, 25 Mac yang lalu.

Menurut Siaran Akhbar JBP, pihaknya telah pun membuat penyiasatan pada 30 Mac sejurus mengetahui mengenai berita tersebut melalui media sosial untuk mengesahkan kejadian dan membuat penyiasatan lanjut.

JBP memaklumkan tidak ada sebarang kecederaan akibat kejadian tersebut dilaporkan.

JBP melalui Pusat Gerakan JBP juga tidak ada menerima sebarang panggilan kecemasan yang berkaitan dengan kejadian tersebut.

Berikutan kejadian tersebut orang ramai adalah dinasihatkan agar sentiasa berhati-hati semasa mengadakan majlis keramaian dengan mengambil kira aspek-aspek keselamatan umpamanya kekukuhan dan struktur rumah dan kawasan yang digunakan adalah dalam keadaan selamat.

Orang ramai juga disarankan untuk menghubungi terus ke talian kecemasan 995, 991 atau 993 apabila berlaku sebarang kecemasan.



SURAMBI yang sedang diperbaiki akibat kejadian surambi roboh di rumah Kampung Setia 'B' pada malam Sabtu, 25 Mac yang lalu.

# 'KL Fashion Tour' ketengahkan fesyen eksklusif




SEBAHAGIAN daripada pengunjung yang berkunjung ke KL Fashion Tour di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club.

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**JERUDONG,** Jumaat, 31 Mac. - 'KL Fashion Tour' yang membuka tirainya hari ini merupakan acara fesyen eksklusif yang membawa produk-produk dan jenama-jenama dari Malaysia ke Negara Brunei Darussalam.

Acara terkemuka ini yang dianjurkan oleh Qaisara Dreams dan S. Sofia Event Management akan diadakan selama tiga hari sehingga 2 April 2017 bertempat di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Sebanyak 38 buah butik yang menampilkan pelbagai jenama mengambil tempat pada petak-petak jualan yang disediakan di mana sebilangan besar jualan membawakan pakaian-pakaian persiapan menjelang hari lebaran yang akan datang.

Selain itu, para peniaga juga menyediakan beraneka jenis pakaian dengan pelbagai saiz bagi memenuhi cita rasa para pelanggan yang hadir.

KL Fashion Tour dibukakan kepada orang ramai bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam dan masuk adalah percuma.

Bagi memeriahkan lagi pesta jualan berkenaan, pihak penganjur juga mendatangkan artis-artis terkenal dari Malaysia seperti Aaron Aziz, Fattah Amin, Elfiraloy, Afdlin Shauki, Izzue Islam, Awal Ashaari, Scha Alyahya dan Lara Alana bagi sama-sama mempromosikan produk dan jenama mereka di negara ini di mana para pengunjung juga berpeluang menemui mereka sepanjang acara ini diadakan.

Sementara itu, pesta jualan tersebut juga mengadakan cabutan bertuah kepada para pembeli untuk memenangi tiket ke Dubai bagi dua orang, jam tangan Swarovski, gelang Pandora, baucer Empire Hotel dan lain-lain.

Antara objektif acara ini adalah untuk memberi peluang kepada penduduk Negara Brunei Darussalam membeli-belah di negara sendiri tanpa perlu membuang masa, tenaga dan kos ke Malaysia bagi mendapatkan produk-produk Malaysia yang sebelum ini memerlukan kita untuk mengunjungi butik-butik mereka di Malaysia.

Pada masa yang sama, acara ini juga dihasratkan sebagai persiapan awal bagi para pelanggan untuk Hari Raya Aidilftri 2017 sebelum menjelangnya bulan Ramadan yang mulia.

Dengan adanya pesta seumpamanya, secara tidak langsung juga dapat menolong anak tempatan di negara ini terutamanya sekali yang masih mencari pekerjaan di mana pihak penganjur memberi peluang bekerja kepada 80 anak tempatan bagi sama-sama menjayakan acara ini.

# Pasukan DBM juara keseluruhan SKBD Ke-3



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri) menyampaikan hadiah kepada Olahragawan Terbaik, iaitu Awang Md. Noor Firdaus Ar-Rasyid dari Institut Pengajian Tinggi (IPT).



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof bergambar ramai bersama juara keseluruhan yang dimenangi oleh pasukan Daerah Brunei dan Muara; naib juara, pasukan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei dan tempat ketiga, pasukan Daerah Belait.

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG**, Rabu, 29 Mac. - Pasukan Daerah Brunei dan Muara (DBM) muncul juara keseluruhan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) Ke-3 Tahun 2017 dengan merangkul 34 pingat, iaitu 14 pingat emas, 13, perak dan 7 gangsa.

Manakala naib juara pasukan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) dengan kutipan 7 pingat emas, 5 perak dan 14 gangsa, diikuti dengan Pasukan Daerah Belait tempat ketiga setelah meraih 6 pingat emas, 6 perak dan 4 gangsa.

Sementara itu, Olahragawan Terbaik disandang oleh Awang Md. Noor Firdaus Ar-Rasyid dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang berjaya mengutip 3 pingat emas, manakala WSGT 2957 Dayang Alinawati binti Ali Akbar dari MS PDB memenangi Olahragawati Terbaik dengan kutipan 2 pingat emas dan 1 gangsa.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Terdahulu, perlumbaan peringkat akhir Acara 100 Meter Lelaki dan Wanita, 4 x 400M Lelaki serta 4 x 100M Lelaki diadakan juga dimeriahkan dengan persembahan Kemahiran Gerak Seni Mempertahankan Diri, Gemilangkan SKBD oleh gabungan Skim Jabatan Belia dan Sukan.

SKBD Ke-3 mempertemukan hampir 1,400 atlet, pegawai dan jurulatih dari 12 kontinjen dengan jumlah keseluruhan pingat yang menjadi rebutan sebanyak 153 pingat, iaitu 48 emas, 48 perak dan 57 gangsa.

SKBD merupakan kejohanan peringkat kebangsaan dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama Persatuan-Persatuan SKBD untuk membina serta memajukan tahap dan prestasi ahli-ahli sukan di Negara Brunei Darussalam.

SKBD antara lain bertujuan mewujudkan usaha pembangunan dan perkembangan bakat-bakat atlet secara bersama melalui persaingan yang sihat ke arah membentuk kecemerlangan serta kegemilangan sukan di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Mohd. Noor Jusmin Haji Abdul Samad, selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi SKBD Ke-3; Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Pegawai-Pegawai Daerah; Yang Di-Pertua dan Setiausaha Agung Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

SUKAN KEBANGSAAN BRUNEI DARUSSALAM

## Tahukah Awda

**TABUNG** Amanah Islam Brunei (TAIB) telah dirasmikan penubuhannya pada Ahad, 21 Rabiulawal 1412 Hijrah bersamaan 29 September 1991 Masihi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ia mula beroperasi di Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputera, Jalan Cator di Bandar Seri Begawan.

**SUMBER :** Buku Ristaan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, 2004.

## KUTIPAN PINGAT

| KEDUDUKAN | KONTINJEN | Emas | Perak | Gangsa | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | DAERAH BRUNEI MUARA | 14 | 13 | 7 | 34 |
| 2 | MAJLIS SUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI | 7 | 5 | 14 | 26 |
| 3 | DAERAH BELAIT | 6 | 6 | 4 | 16 |
| 4 | INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI | 6 | 2 | 4 | 12 |
| 5 | MAJLIS SUKAN ABDB | 5 | 10 | 11 | 26 |
| 6 | DAERAH TUTONG | 4 | 7 | 3 | 14 |
| 7 | DAERAH TEMBURONG | 2 | 2 | 3 | 7 |
| 8 | GABUNGAN SYARIKAT TELEKOMUNIKASI BRUNEI | 1 | 0 | 0 | 1 |
| 9 | SEKOLAH SUKAN BRUNEI DARUSSALAM | 0 | 0 | 6 | 6 |
| 10 | SYARIKAT PENERBANGAN DIRAJA BRUNEI | 0 | 0 | 2 | 2 |
| | GABUNGAN SYARIKAT MINYAK BRUNEI SHELL | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | PERSATUAN BANK-BANK BRUNEI | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN | 2 | 2 | 0 | 4 |
| | MAJLIS SUKAN SARAWAK | 0 | 0 | 0 | 0 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 47 | 47 | 54 | 148 |

*Nota : Kutipan pingat sehingga 29 Mac 2017, Jam 3.00 PM*





BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSANGKA BAIK SANGAT DITUNTUT OLEH ISLAM


دتربيتكن اوليه جابتن ڤنرڠان، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جابتن ڤرچيتقن كراجان، نݢارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.